

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh:

PERANAN DAN MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM RUMAHTANGGA,
SATU KAJIAN KES KE ATAS PERNIAGA WANITA MELAYU
DI KOTA BHARU

WAN TERATAI YUSOFF

NO. MATRIK : 060498

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

59100 KUALA LUMPUR

SESI 1993/94

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hajjah Fatimah Daud selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat kepada saya dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Kota Bharu dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan yang juga turut membantu memberikan data-data dan maklumat yang diperlukan. Begitu juga kepada para responden yang terdiri dari peniaga-peniaga wanita di bandar Kota Bharu.

Akhir sekali, tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah, rakan-rakan sekuliah dan orang-orang perseorangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

Semoga Allah membala jasa baik semua. Amin.

Sekian, Terima Kasih.

Wan Teratai Yusoff
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
1993/94

ABSTRAK

Pada masa ini sumbangan tenaga wanita semakin penting dalam perkembangan ekonomi negara. Mereka melibatkan diri dalam pelbagai sektor, dari sektor pertanian hingga sektor perindustrian. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengiktiraf sumbangan wanita dalam Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995.

Memandangkan wanita sekarang telah sama-sama melibatkan diri dalam sektor pekerjaan dan mempunyai pendapatan sendiri, maka latihan ilmiah ini dibuat untuk melihat peranan wanita dari segi kuasa membuat keputusan dalam rumah tangga.

Tumpuan kajian ini adalah ke atas golongan wanita yang telah berumahtangga, yang melibatkan diri dalam sektor perniagaan tak formal di bandar Kota Bharu.

Untuk mengukur dari segi kuasa membuat keputusan, pengkaji telah meneliti latar-belakang peribadi wanita tersebut, juga peranannya dalam rumah tangga.

Cara pengukuran yang dibuat juga turut ditunjukkan dalam Bab 5. Di sini pengkaji telah menggunakan Kaedah Analisis Yule'Q yang diperkenalkan oleh Kendall dan Lazarsfeld.

Pada akhir tulisan ini, pengkaji telah mengaitkan hasil keputusan yang didapati dari pengukuran dengan teori-teori yang telah dikemukakan oleh penulis-penulis sebelum ini. Pengkaji juga tidak lupa mengemukakan beberapa kelemahan yang timbul dari kajian-kajian yang telah dijalankan dan cadangan-cadangan bagaimana kelemahan-kelemahan tersebut dapat diperbaiki.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	Halaman
Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	ix
Bab 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan dan Tujuan Kajian	1
1.2 Bidang Kajian	2
1.3 Method Kajian	2
1.3.1 Soal Selidik	3
1.3.2 Temuduga	4
1.3.3 Pemerhatian	5
1.3.4 Penyelidikan Perpustakaan	5
1.4 Method Analisis	6
1.5 Masalah Kajian	12
1.5.1 Penyediaan Soal-Selidik	12
1.5.2 Kajian Awal (Pilot Survey)	13
1.5.3 Pengendalian Soal-Selidik	14
1.5.4 Kerjasama Responden dan Badan-Badan Lain	14
1.6 Kajian Lalu	15
BAB 2 : KONSEP DAN TEORI	17
2.1 Konsep Peranan	17
2.2 Penentuan Peranan	19
2.3 Peranan Wanita	21
2.4 Kuasa Membuat Keputusan	23
BAB 3 : LATAR BELAKANG PERIBADI RESPONDEN DAN PASANGAN	26
3.1 Umur	26
3.2 Pendidikan	28
3.3 Perkahwinan	30
3.4 Lama Bekerja	32
3.5 Pendapatan	34
3.6 Bilangan Anak	36

BAB 4 : PEMBAHAGIAN PERANAN DAN MEMBUAT KEPUTUSAN	38
4.1 Aspek Peranan	38
4.1.1 Peranan dalam Bidang Kewangan	38
4.1.2 Peranan Memimpin	40
4.1.3 Peranan Penjagaan Anak	41
4.1.4 Peranan Membuat Kerja Rumah	46
4.1.5 Peranan Membuat Tugas-Tugas Am	47
4.2 Aspek Membuat Keputusan	48
4.2.1 Keputusan Mengenai Perkara Asas Rumahtangga	48
4.2.2 Keputusan Mengenai Anak-Anak	50
4.2.3 Keputusan Mengenai Perbelanjaan Pakaian	52
4.2.4 Keputusan-Keputusan Lain	53
4.3 Peranan Bersama dalam Kegiatan Sosial	54
4.4 Kesimpulan	55
BAB 5 : PENGUKURAN PERHUBUNGAN KUASA MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN BEBERAPA ANGKUBAH	56
5.1 Kuasa Membuat Keputusan	56
5.2 Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Umur	57
5.3 Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pendapatan	59
5.4 Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pendidikan	62
5.5 Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pilihan Pasangan	64
5.6 Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Lama Bekerja	67
5.7 Kesimpulan	69
BAB 6 : PENUTUP	71
6.1 Aspek Peranan	71
6.2 Aspek Membuat Keputusan	72
6.3 Hubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan 5 Angkubah yang telah Diukur	73
6.4 Kelemahan-Kelemahan Analisis	77
6.5 Cadangan Mengatasi Masalah Ketidaktepatan Pengukuran	78

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
1.4	Contoh Jadual untuk Analisis Yule'Q	7
1.4.1	Contoh Pertalian Positif	8
1.4.2	Contoh Pertalian Negatif	9
3.1	Umur Responden dan Pasangan	26
3.2	Taraf Pendidikan Responden dan Pasangan	29
3.3	Perkahwinan: Pilihan Bakal Suami dan Hubungan Darah dengan Suami	31
3.4	Lama Responden dan Pasangan Bekerja	33
3.5	Pendapatan Sebulan Responden dan Suami	35
3.6	Bilangan Anak	36
4.1.1	Peranan dalam Bidang Kewangan	39
4.1.2	Peranan Memimpin Keluarga	40
4.1.3.1	Peranan dalam Penjagaan Anak Ketika Kecil	42
4.1.3.2	Ketika Anak Sakit	43
4.1.3.3	Semasa Zaman Persekolahan	44
4.1.4	Peranan Membuat Kerja Rumah	46
4.1.5	Peranan Membuat Tugas-Tugas Am	47
4.2.1	Keputusan Mengenai Perkara Asas Rumahtangga	49
4.2.2	Keputusan Mengenai Anak-Anak	50
4.2.3	Keputusan Mengenai Perbelanjaan Pakaian	52
4.2.4	Keputusan-Keputusan Lain	53
4.3	Kekerapan Menghadiri Majlis Sosial Bersama	54
5.2	Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Umur	57
5.3	Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pendapatan	60

5.4	Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pendidikan	62
5.5	Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pilihan Pasangan	65
5.6	Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Lama Bekerja	67

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
2.2	Pengaliran Tenaga Kaum Wanita dan Lelaki dalam Tiga Lingkungan	20

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1: Pengenalan dan Tujuan Kajian

Mengikut Laporan Rancangan Malaysia Keenam¹, wanita menyumbangkan satu pertiga dari jumlah tenaga buruh, walaupun kadar penyertaan tenaga buruh wanita agak rendah kalau dibandingkan dengan lelaki tetapi dari segi peratusan menunjukkan peningkatan iaitu dari 37.2% dalam tahun 1970 kepada 46.7% dalam tahun 1990. Secara tidak langsung ini juga menunjukkan peningkatan dari segi pendapatan yang diperolehi sendiri oleh kaum wanita yang menjadikan kuasa beli mereka lebih tinggi. Wanita merupakan kumpulan individu yang mempunyai kuasa yang besar dalam membuat pilihan dan keputusan keluarga. Menurut lapuran FOMCA², hampir 90% urusan rumah tangga dikendalikan oleh wanita.

Menyedari bahawa penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan semakin bertambah, maka pengkaji ingin menyentuh beberapa isu penting yang berkaitan dengan penglibatan mereka. Pendekatan kajian ini lebih menjurus kepada wanita itu sendiri sebagai isteri, ibu dan pekerja, untuk melihat serta mengukur kuasa mereka membuat keputusan dalam rumah tangga dengan mengaitkan dengan beberapa angkubah yang dipunyai oleh wanita itu sendiri.

¹ *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 462-463.

² 'Wanita dan Pengguna', *Pengguna*, Jilid 7, Bil. 2, PP139/1/89, hlm. 10.

1.2: Bidang Kajian

Kajian ini mengambil 40 orang responden sebagai sampel terdiri daripada wanita Melayu yang telah berumahtangga, berumur dalam lingkungan 20 hingga 60 tahun. Responden yang dipilih adalah dari sektor tak formal iaitu terdiri dari kalangan peniaga. Tujuannya ialah untuk meninjau perbezaan kuasa dalam membuat keputusan dibandingkan dari segi umur, tahap pendidikan, pendapatan, lama bekerja dan perkahwinan.

Menyentuh tentang lokasi, pengkaji telah memilih bandar Kota Bharu sebagai kawasan kajian. Pemilihan lokasi berdasarkan kepada kemudahan untuk mendapatkan responden. Responden yang dikaji juga memang terdedah dengan media-media luar serta wujud kemudahan dari segi komunikasi dan perhubungan. Hal ini membolehkan pengkaji melihat pola-pola perbelanjaan dalam rumahtangga dengan lebih jelas.

1.3: Method Kajian

Pengkaji telah menggunakan Persampelan Kelompok (Cluster Sampling) untuk memilih responden, kerana kaedah persampelan ini lebih menjimatkan masa, tenaga dan wang. Pengkaji hanya perlu memilih kelompok-kelompok tertentu dalam satu kawasan untuk ditemuramah. Namun begitu pengkaji terpaksa lebih berhati-hati menggunakan kaedah ini kerana kebarangkalian untuk berlakunya prasangka (*bias*) adalah tinggi.

Pengumpulan maklumat yang dilakukan ke atas responden ini melibatkan beberapa kaedah. Kaedah yang dipilih ialah dengan menggunakan borang soal-selidik, temuduga, pemerhatian dan penyelidikan perpustakaan.

1.3.1: Soal selidik

Berkait dengan method soal selidik ini pengkaji telah menyediakan bentuk-bentuk soalan untuk dikemukakan kepada responden. Pengkaji sendiri menemuramah responden berdasarkan soalan-soalan yang telah disediakan. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji terdiri daripada dua bentuk iaitu soalan tertutup (*structured*) dan soalan terbuka (*unstructured*).

Soalan tertutup adalah bentuk soalan yang telah disediakan jawapan untuk mengetahui latar belakang responden dari segi pekerjaan, tahap pendidikan, lama perkahwinan dan lain-lain keterangan yang dapat diperturunkan dalam bentuk jadual bagi menjelaskan keadaan ini. Sementara soalan terbuka pula adalah dalam bentuk pendapat yang memerlukan penjelasan lanjut dari responden.

Terdapat beberapa kebaikan dan keburukan bagi kedua-dua jenis bentuk soalan tadi. Bagi soalan tertutup kebaikannya ialah memudahkan pengkaji membuat analisa dan mengkelaskan data. Pengkaji tidak menggunakan banyak masa untuk menjalankan temuramah dan responden tidak perlu berfikir panjang untuk menjawab soalan kerana jawapan telah disediakan. Keburukannya pula ialah jawapan yang tidak tepat kerana adanya penggolongan seperti umur dan pendapatan. Responden juga tidak berpeluang untuk meluahkan buah fikirannya kerana jawapan telah disediakan.

Bagi soalan yang terbuka pula, kebaikannya ialah pengkaji boleh mendapatkan data-data yang lebih tepat dari responden. Responden juga dapat bertanya kepada pengkaji mana-mana soalan yang kabur bagi mereka. Manakala keburukannya ialah pengkaji terpaksa menggunakan masa yang lama untuk mendapatkan maklumat yang diberikan. Responden kadang-kadang meleret-leret dalam menjawab soalan serta terkeluar dari apa yang dikehendaki.

1.3.2: Temuduga

Temuduga dijalankan untuk melengkapkan maklumat yang tidak dapat diperolehi melalui soal selidik. Pengkaji memberi kebebasan kepada responden melalui cara ini, untuk memberi penjelasan tentang sesuatu perkara secara tak formal, dengan harapan dapat mempengaruhi responden untuk memberitahu maklumat-maklumat yang dianggap sulit bagi mereka. Pengkaji juga turut menemubual kawan-kawan responden juga suami responden bagi mengukuhkan lagi maklumat yang diberikan.

Kebaikan kaedah ini ialah pengkaji mewujudkan hubungan yang mesra dengan responden serta masyarakat di sekitar responden. Situasi begini amat diperlukan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat. Temuramah tak formal ini lebih berkesan kerana pengkaji tidak mengongkong responden untuk menjawab. Contohnya dalam temuduga ini, secara tidak langsung responden bercerita dan pengkaji juga secara tidak langsung memperolehi data.

1.3.3: Pemerhatian

Method ini digunakan untuk melengkapi kedua method tadi, di samping membuktikan dan menguatkan lagi kebenaran jawapan dari responden. Selain daripada itu pemerhatian juga digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi perkara-perkara yang sensitif dan tidak sesuai untuk ditanya secara langsung kepada responden.

Pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji tidak sahaja di rumah tetapi juga melibatkan tempat kerja dan semasa responden berinteraksi dengan masyarakat sekeliling.

1.3.4: Penyelidikan Perpustakaan

Cara ini lebih dikenali sebagai kaedah pengumpulan data sekunder kerana ia mengambil dan menggunakan data dari sumber-sumber bertulis. Pengkaji membuat pembacaan awal mengenai pekara yang ada kaitan dengan tujuan kajian bagi menambahkan maklumat dan membantu pengkaji merangka soalan temubual dengan lebih tersusun serta mudah difahami.

Sumber-sumber rujukan didapati dari Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah dan Bilik Sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi sama ada dalam bentuk latihan ilmiah, buku, journal, laporan persidangan dan lain-lain.

1.4: Method Analisis

Bagi melihat korelasi antara angkubah, pengkaji telah memilih Kaedah Analisis Yule's Q³. Kaedah ini telah diperkenalkan oleh Kendall dan Lazarsfeld⁴ iaitu merupakan tokoh Sosiologi German. Kaedah ini menjadi pilihan pengkaji memandangkan ia merupakan kaedah manual yang paling mudah dan ringkas bagi menentukan pertalian antara 2 angkubah.

Memandangkan kaedah manual ini sekarang agak jarang digunakan oleh para pengkaji disebabkan oleh adanya teknologi komputer yang mempercepatkan kerja-kerja memproses data, pengkaji cuba menonjolkan kembali kaedah ini. Di sini pengkaji turut menerangkan secara ringkas bagaimana analisis Yule's Q⁵ dilakukan.

Dalam analisis ini Kendall dan Lazarsfeld⁶ telah membahagikan angkubah kepada 2 iaitu X (angkubah bebas) dan Y (angkubah bergantung). Berdasarkan kepada angkubah X dan Y ini kita boleh melihat 4 keadaan yang tertentu. (Lihat Jadual 1.4).

³ Norman Davidson, 'Causal Inferences From Dichotomous Variables'. In *Concepts and Techniques In Modern Geography*, No. 9, Hull University, (Tanpa Tahun), hlm. 6-10.

⁴ P.L. Kendall dan P.F. Lazarsfeld, 'Problems of Survey Analysis'. In R.K. Merton dan P.F. Lazarsfeld (eds), *Continuities in Social Research*, Free Press, (Tanpa Tahun), hlm. 135-167.

⁵ Ibid.

⁶ Norman Davidson, *op. cit.*

Jadual 1.4: Contoh Jadual untuk Analisis Yule's Q

	Not Y	Y	
X	A	B	A+B
Not X	C	D	C+D
	A+C	B+D	N=A+B+C+D

Berdasarkan gambarajah di atas kita boleh melihat sel A, B, C dan D mewakili kekerapan kebarangkalian berdasarkan angkubah X dan Y. Formula Yule's Q atau Q_{xy} yang digunakan bagi menguji kekuatan korelasi angkubah ialah:

$$Q_{xy} = \frac{(B \times C) - (A \times D)}{(B \times C) + (A \times D)}$$

dimana A, B, C dan D merujuk kepada kekerapan sel itu.

Di sini akan diterangkan beberapa peraturan dalam mensetkan set Yule's Q.

1. Susunan matriknya adalah tetap.
2. Semua angkubah hanya boleh dibahagikan kepada 2 kategori di mana angkubah X hanya boleh dibahagikan kepada kategori X dan kategori Not X. Setiap angkubah Y pula hanya boleh dibahagikan kepada kategori Y dan kategori Not Y.
3. Setiap sel yang terdiri dari A, B, C dan D dan susunan sel juga telah ditetapkan.
4. Kategori Y harus merujuk kepada aspek positif atau nilai yang lebih tinggi dan Not Y merujuk kepada aspek negatif atau merujuk kepada nilai yang lebih rendah. Begitu juga kategori X harus merujuk kepada aspek positif atau nilai lebih tinggi dan kategori Not X harus merujuk kepada aspek negatif atau merujuk kepada nilai yang lebih rendah. Kategori ini dipanggil dichotomy iaitu terbahagi kepada 2.

5. Angkubah Y ialah angkubah bergantung (*dependent*) sementara angkubah X ialah angkubah bebas (*independent*).

6. Jumlah sut A + B ialah jumlah kategori X. Jumlah sut C + D ialah jumlah bagi kategori Not X. Jumlah sut A + C ialah jumlah bagi kategori Not Y dan jumlah sut B + D ialah jumlah bagi kategori Y.

7. N ialah A + B + C + D ataupun jumlah sampel.

8. Qxy ialah koefisyen yang menunjukkan pertalian antara X dan Y. Nilai Qxy mempunyai satu nilai yang tertentu dari 0.00 hingga 1.00.

Angkubah X dan Y boleh mempunyai pertalian langsung atau langsung tidak mempunyai pertalian. Maksudnya di sini bukan semua angkubah mesti ada pertalian. Jika ada pertalian, pertalian ini boleh jadi positif ataupun negatif. Kalau 2 angkubah tidak ada pertalian ini bermaksud bahawa Y tidak bergantung kepada X.

Kalau satu pertalian positif (Jadual 1.4.1) ini bermaksud bahawa kategori X bercenderung menjadi kategori Y dan kategori Not X bercenderung menjadi kategori Not Y.

Jadual 1.4.1: Contoh Pertalian Positif

	Not Y	Y	
X	0	100	A+B
Not X	100	0	C+D
	A+C	B+D	N=A+B+C+D

Kalau satu pertalian negatif (Jadual 1.4.2) pula bermaksud bahawa kategori X bercenderung menjadi kategori Not Y dan kategori Not X bercenderung menjadi kategori Y.

Jadual 1.4.2: Contoh Pertalian Negatif

	Not Y	Y	
X	100	0	A+B
Not X	0	100	C+D
	A+C	B+D	N=A+B+C+D

Kalau pertalian adalah positif kita tunjukkan sebagai tanda (+) dan kalau pertalian negatif kita tunjukkan sebagai tanda (-). Hanya 0.00 hingga 1.00 yang menunjukkan kekuatannya. Kita boleh menggunakan tahap-tahap nilai seperti di bawah untuk melihat tahap kekuatan pertalian tersebut.

± 0.70 - dan ke atas - Sangat Kuat.

± 0.50 - 0.69 - Kuat.

± 0.30 - 0.49 - Sederhana Kuat.

± 0.10 - 0.29 - Lemah

± 0.01 - 0.09 - Tidak Penting

0.00 - Tidak ada Pertalian

Bagi Q_{xy} yang mempunyai keputusan tertentu kita harus menggunakan satu peringkat lagi untuk melihat apakah responden yang kita ambil ini mewakili populasi atau tidak (Pengukuran mengenai pekara ini turut dibincangkan dalam Bab 5). Sebagai contoh kalau $Q_{xy} = \pm 0.265$ dan kalau sampel ini rambang ia boleh mewakili keseluruhan wanita yang dikaji tetapi seandainya sampel ini bias ia tidak boleh mewakili populasi.

Di sini terdapat 2 Had Keyakinan (*confidence*)

1. Had Keyakinan Maksimum
2. Had Keyakinan Minimum.

Bagi pengiraan *significance* kita boleh merujuk kepada formula di bawah:

$$\text{Had Maksimum} = Q + Z \sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2 (1/A + 1/B + 1/C + 1/D)}{4}}$$

$$\text{Had Minimum} = Q - Z \sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2 (1/A + 1/B + 1/C + 1/D)}{4}}$$

di mana Q adalah merujuk kepada Q_{xy} yang telah dikirakan

Z adalah konstan = 1.96(5%). Ini bermaksud bahawa apa-apa kesimpulan yang dibuat ialah 95% probabilitinya boleh diterima.
A,B,C,D merujuk kepada kekerapan sel.

Bagi menentukan Had Maksimum dan Had Minimum ini pengkaji telah memilih untuk menggunakan Kaedah Tepat. Di sini sebagai contoh katakanlah nilai $Q_{xy} = +0.54$. Di bawah ini ditunjukkan bagaimana pengiraan tersebut dibuat.

$$\begin{aligned}\text{Had Maksimum} &= Q + Z \sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2 (1/A + 1/B + 1/C + 1/D)}{4}} \\&= 0.54 + 1.96 \sqrt{\frac{(1 - 0.54^2)^2 (1/15 + 1/17.5 + 1/50 + 1/35)}{4}} \\&= 0.54 + 1.96 \sqrt{\frac{(0.71)^2 (0.81)}{4}} \\&= 0.54 + 1.96 \sqrt{\frac{0.09}{4}} \\&= 0.54 + 1.96 \sqrt{0.225} \\&= 0.54 + 1.96 (0.15) \\&= 0.54 + 0.294 \\&= +0.83\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Had Minimum} &= Q - Z \sqrt{\frac{(1-Q^2)^2}{4} (1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\
 &= 0.54 - 1.96 \sqrt{\frac{(1-0.54^2)^2}{4} (1/15 + 1/17.5 + 1/50 + 1/35)} \\
 &= 0.54 - 1.96 \sqrt{\frac{(0.71)^2 (0.81)}{4}} \\
 &= 0.54 - 1.96 \sqrt{\frac{0.09}{4}} \\
 &= 0.54 - 1.96 \sqrt{0.225} \\
 &= 0.54 - 1.96 (0.15) \\
 &= 0.54 - 0.294 \\
 &= +0.24
 \end{aligned}$$

Selepas kita memperolehi Had Maksimum dan Had Minimum, untuk menentukan sampel yang kita kaji rambang atau tidak bagi menentukan *significantnya*, Kita handaklah melihat nilai 0 (kosong). Kalau nilai 0 tidak didapati di antara Had Maksimum dan Had Minimum, kita katakan bahawa pertalian antara X dan Y adalah *statistically significant* iaitu bermaksud sampel yang kita gunakan boleh mewakili populasi. Tetapi seandainya nilai 0 berada di tengah-tengah Had Maksimum dan Had Minimum maka responden yang kita kaji tidak mewakili populasi. Jadi ini bermakna responden yang dipilih tidak rambang.

Sehubungan dengan itu oleh kerana di sini nilai 0 tidak berada di tengah-tengah antara Had Maksimum dan Had Minimum maka kita katakan bahawa pertalian antara kuasa membuat keputusan dengan umur adalah *statistically significant* di mana ini bermaksud ia adalah rambang dan boleh mewakili populasi.

Berdasarkan kepada kaedah analisis Yule's Q ini juga terdapat beberapa kebaikan dan kelemahan. Kebaikannya ialah analisis Yule's Q bukan sahaja berupaya untuk menguji korelasi antara 2 angkubah, tetapi juga berupaya

melihat kedudukan Angkubah Ketiga (*Intervene Variable*) sama ada ia juga turut mempengaruhi perhubungan X dan Y. Selain itu pengkaji juga berupaya untuk menguji setiap angkubah yang dikajinya untuk memastikan sama ada responden yang dipilih telah mewakili populasi atau tidak.

Manakala keburukannya pula ialah kajian, walaupun melibatkan lokasi yang tertentu tetapi kaedah ini tidak menunjukkan secara ruangan taburan responden yang diambil. Oleh itu sukar untuk kita melihat secara pemerhatian (*observed*) sahaja akan taburan tersebut. Sedikit-sebanyak kita terpaksa memahami kaedah pengiraan yang telah dilakukan.

Selain itu pengkaji dapati kaedah ini turut memaparkan satu pengiraan yang agak kritikal yang memerlukan masa dan ruang yang banyak. Jadi kaedah ini tidak begitu sesuai bagi pengkaji sendiri menggunakan kaedah analisis ini dengan keadaan ruang yang terhad. Sehubungan itu pengkaji telah cuba mempersebahkan kaedah analisis ini seringkas mungkin dan terpaksa meninggalkan terus beberapa kaedah yang lain seperti penggunaan graf semasa menentukan Had Maksimum dan Had Minimum dan juga pengiraan kebarangkalian wujudnya *intervene variable* yang mungkin turut mempengaruhi perhubungan X dan Y.

1.5: Masalah Kajian

1.5.1: Penyediaan Soal-Selidik

Penyediaan soal-selidik yang pengkaji jalankan menghadapi beberapa masalah. Pengkaji tidak dapat menentukan soalan-soalan yang sesuai untuk ditanya kepada responden. Pengkaji sendiri tidak dapat memastikan responden mana yang harus dikaji, baik dari segi umur, pekerjaan, jantina

dan juga lokasi. Sehubungan dengan ini, pengkaji terpaksa membuat beberapa kali pengubahsuaian soalan-soalan di dalam borang soal-selidik untuk memenuhi tajuk sebenar kajian.

1.5.2: Kajian Awal (Pilot Survey)

Sebelum memulakan kajian pengkaji telah mengadakan kajian awal. Seperti yang telah disebut tadi, pengkaji agak sukar untuk menentukan lokasi yang hendak dikaji. Oleh itu pengkaji telah pergi ke satu lokasi yang pengkaji fikirkan agak sesuai dengan tujuan kajian. Kajian awal yang pengkaji jalankan ialah di sebuah kampung di mana terdapat satu kegiatan yang aktif di kalangan kaum wanita dalam perusahaan batik, sulaman dan perusahaan pertukangan emas dan perak. Di sini pengkaji telah berjumpa dengan Ketua Kampung dan mengambil 5% sampel untuk menguji kesahaman responden dengan soalan soal selidik. Namun begitu pengkaji terpaksa membatalkan niat untuk memilih kawasan tersebut memandangkan beberapa masalah yang dihadapi.

Setelah berbincang dengan penyelia kajian, pengkaji telah memilih bandar Kota Bharu sebagai lokasi memandangkan terdapat kesesuaian dengan pemilihan responden yang diingini. Pada peringkat awal pengkaji telah menemui Pegawai MPKB (Majlis Perbandaran Kota Bharu) dan PKINK (Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan) untuk mengetahui jumlah keseluruhan peniaga wanita yang terdapat di daerah Kota Bharu. Walaupun begitu jumlah keseluruhan peniaga wanita yang terbabit dalam sektor perniagaan tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana data-data yang didapati agak bercampur aduk dan para peniaga sendiri tidak pernah kekal berniaga dalam satu-satu tempoh masa tertentu.

1.5.4: Pengendalian Soal-Selidik

Masalah utama semasa mengendalikan soal selidik ialah responden tidak dapat membezakan soalan-soalan yang ditanya. Mereka menganggap setiap soalan yang ditanya adalah atas perkara yang sama. Keteperincian soalan-soalan yang dikemukakan menyebabkan responden meminta pengkaji supaya menanya soalan-soalan pokok sahaja dan pekara-pekara yang di anggap remeh diisikan sendiri oleh pengkaji. Mereka menyatakan dengan cara berbuat demikian bukan sahaja masa pengkaji dapat dijimatkan, juga masa responden serta kebosanan responden menjawab setiap soalan dapat dikurangkan.

1.5.5: Kerjasama Responden dan Badan-Badan Lain

Kerjasama yang diberikan oleh responden boleh dikatakan diperingkat yang agak sederhana. Walaupun terdapat responden yang memberi layanan yang baik, tetapi tidak kurang pula yang tidak mahu ditemuramah. Mereka yang tidak mahu ditemuramah telah memberi berbagai alasan seperti sibuk, masih ramai responden lain yang boleh ditemuduga, malu sebab perniagaan mereka tidak memuaskan dan sebagainya. Walaupun pengkaji cuba sedaya upaya menerangkan maksud dan tujuan kajian. Sebenarnya keadaan ini hanya berlaku di kalangan golongan berusia 45-60 tahun yang tahap mentaliti mereka yang rendah dan tidak boleh menerima hakikat tujuan kajian.

1.6: Kajian Lalu

Secara keseluruhannya telah terdapat beberapa kajian mengenai wanita yang diselenggarakan oleh penulis-penulis barat dan timur.

Antara penulis-penulis barat ialah Weller⁷ yang mengkaji penglibatan wanita dalam pekerjaan dan mengaitkan dengan perlakuan fertiliti. Roose⁸ pula menulis tentang perubahan kedudukan wanita Melayu. Kajian lain yang agak menarik yang dibuat oleh penulis barat ialah Rosemary Firth⁹.

Manakala penulis-penulis tanahair pula tidak ketinggalan untuk turut serta mengkaji tentang aspek wanita dan pekerjaan. Antara lain Fatimah Daud¹⁰ yang menumpukan perhatian beliau terhadap aspek penyertaan wanita bumiputera dalam bidang pekerjaan dan perusahaan. Begitu juga Khadijah Hj. Muhamad¹¹ turut memokuskan perhatian terhadap aspek wanita Melayu dan pekerjaan. Fatimah Abdullah¹² yang memberi penumpuan khas kepada analisis konflik peranan yang dialami oleh wanita Melayu dalam pekerjaan.

⁷ R.H. Weller, 'The Employment of Wives Roles Incompatibility and Fertility', In *Milbank Memorial Fund Quarterly*, 1965, 46 Pt-1.

⁸ H. Roose, 'Changes in the Position of Malay Women'. In B.E. Ward (ed.), *Women in The New Asia*, Paris UNESCO, 1963.

⁹ Rosemary Firth, 'Housekeeping Among Malay Peasants'. Monograph on *Social Anthropology*, The Athlone Press, London, 1943, No. 7.

¹⁰ Fatimah Daud, Penyertaan 'Wanita Bumiputera dalam Bidang Perniagaan dan Perusahaan di Kuala Lumpur', Tesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

¹¹ Khadijah Hj. Muhamad, 'Wanita dan Pekerjaan'. Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970.

¹² Fatimah Abdullah, 'Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan'. Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1983/84.

Selain daripada itu terdapat banyak kajian mengenai peranan wanita dalam ekonomi yang berbentuk ilmiah seperti Siti Fatimah Mohd. Ariffin¹³, Shajaratuddur¹⁴ dan Nik Mohd. Mustaffa Shafei¹⁵, namun kajian mereka hanyalah dalam lingkungan peranan dan pekerjaan sahaja.

Hasil daripada pembacaan pengkaji terhadap tulisan-tulisan ilmiah yang lalu, pengkaji dapati hanya terdapat seorang penulis yang telah mengkaji tentang pembuat keputusan di kalangan wanita iaitu Zaidah Mustapha¹⁶ yang telah membuat kajiannya di Mukim Pulau Tiga, Parit, Perak. Aspek kajian beliau lebih menumpukan kepada golongan wanita masyarakat luar bandar yang menjalankan aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan utama. Berbeza dengan kajian ini, kajian beliau lebih menumpukan kepada wanita dalam 3 tahap iaitu zaman bujang, selepas berkahwin dan setelah menjadi janda.

Sehubungan dengan itu pengkaji cuba mengalih perhatian dengan menumpukan kajian ke atas masyarakat bandar yang menjalankan aktiviti perniagaan sebagai sumber pendapatan utama. Diharapkan dengan adanya kajian ringkas ke atas peranan dan kuasa wanita dalam membuat keputusan ini akan dapat memperkayakan lagi sumber kajian di negara kita.

¹³ Siti Fatimah Mohd. Ariffin, 'Peranan dan Kedudukan Wanita di Kerdau', Tesis M.A., Kuala Lumpur, 1965.

¹⁴ Shajaratuddur Sheikh Abdul Halim, 'Sikap Wanita Melayu dalam Bidang Pekerjaan', Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Antropologi & Antropologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

¹⁵ Nik Mohd. Mustaffa Shafei, 'Peranan Wanita dalam Ekonomi dan Sosial di Kelantan', Tesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

¹⁶ Zaidah Mustapha, "Desicion Making" di Kalangan Wanita di Mukim Pulau Tiga, Parit, Perak (Satu Kes Studi), Tesis B.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975/76.

BAB 2

KONSEP DAN TEORI

Konsep dan teori yang menjadi topik perbincangan utama dalam bab ini ialah berkaitan dengan aspek peranan iaitu meliputi konsep peranan, penentuan peranan dan peranan wanita. Pengkaji juga turut menyentuh sedikit tentang konsep dan teori kuasa membuat keputusan. Perbincangan ini dilakukan dengan mengaitkan dengan beberapa orang tokoh Antropologi dan Sosiologi yang turut memperkatakan mengenai topik-topik berkenaan dalam hasil penulisan mereka.

2.1: Konsep Peranan

Peranan merupakan satu pola kelakuan jangkaan (*expected behaviour*) yang berkaitan dengan status atau kedudukan sosial seseorang dalam sesuatu kelompok atau situasi sosial. Ia selalunya merangkumi hak-hak dan tanggungjawab. Makna terawal mengenai konsep ini telah dikemukakan oleh seorang ahli antropologi iaitu Ralph Linton(1936). Linton mendefinisi peranan sebagai:

*".....the dynamic aspect of status. When (an individual) puts the rights and duties into effect, he is reforming a role"*¹

Sehubungan dengan peranan yang dianggap sebagai aspek dinamik status, ini bermakna peranan sentiasa berubah-ubah mengikut perubahan statusnya. Contohnya seorang wanita mempunyai status sebagai isteri, maka peranannya juga adalah sebagai isteri. Apabila ia mempunyai anak-anak maka statusnya akan bertambah sebagai seorang ibu. Oleh itu seseorang

¹ Ralph Linton, *The Study of Men*, Appleton-Century, New York, 1936, hlm.114.

individu akan memegang berbagai peranan dan status bergantung kepada penentuan kategori sosial.

Manakala definisi yang diterangkan di dalam *International Encyclopedia of Social Sciences* yang menyatakan "...to represent the behavior or a given position or status".²

Merujuk kepada petikan di atas, ini bererti peranan yang dimainkan oleh seseorang individu adalah suatu perlakuan dari satu kedudukan atau status individu itu. Berdasar itu tiap-tiap individu mempunyai tugas dan hak yang tertentu di dalam masyarakat yang ia anggotai, ini bererti tugas dan hak yang ada padanya itu menentukan peranan yang dimainkan olehnya.

Micheal Banton(1968)³ juga turut membincangkan konsep peranan di dalam karyanya *Roles: An Introduction to the Study of Social*. Beliau telah membahagikan konsep peranan kepada 3 bahagian iaitu peranan asas (*Basic role*), peranan umum (*general role*) dan peranan bebas (*independent role*).

Pembahagian peranan asas berdasarkan kepada faktor semulajadinya seperti jantina (lelaki dan perempuan) dan umur. Peranan umum pula berkaitan dengan aktiviti seseorang yang biasanya bergantung pada kelayakan seseorang. Faktor umur atau jantina tidak diambil kira dalam hal ini. Peranan bebas pula wujud apabila seseorang itu menjalankan sesuatu tugas itu pada sesuatu ketika. Peranan bebas itu boleh dilepaskan mengikut situasi, keadaan dan tempat yang bersesuaian. Misalnya seorang kerani akan memegang peranan kerani ketika berada di pejabat dan akan melepaskan

² David L. Sills (ed.), *International Encyclopedia of Social Sciences*, The MacMillan Company & Free Press, United States, Vol. 3, 1968, hlm. 546.

³ Micheal Banton, *Roles: An Introduction to the Study of Social Relations*, Tavistock Publications, London, 1965, hlm. 21.

peranan tersebut apabila ia tidak lagi di pejabat atau berada di rumah.

2.2: Penentuan Peranan

Menurut Peggy R. Sanday (dipetik dari Rosaldo, 1974)⁴, sejarah penentuan peranan antara wanita dan lelaki dikatakan bermula dalam 3 lingkungan iaitu pertahanan, subsistem dan pengeluaran. Tenaga wanita pada asalnya adalah dalam lingkungan pengeluaran dan kaum lelaki pula dalam lingkungan subsistem. Akibat wujudnya penaklukan maka kaum lelaki telah bergerak kepada lingkungan pertahanan. Sehubungan dengan ini, sesetengah kaum wanita mula bergerak ke lingkungan subsistem mengganti tempat golongan lelaki. Apabila keadaan tenteram semula kaum wanita kembali semula ke peranan asal mereka iaitu dalam lingkungan pengeluaran (Rajah 2.2). Bagaimanapun terdapat juga sebilangan wanita yang terus tinggal dalam lingkungan subsistem. Keseimbangan pengagihan pekerjaan dikatakan wujud akibat sumbangan pihak lelaki dan wanita dalam aktiviti-aktiviti subsistem. Keadaan ini memberi pengaruh yang kuat dalam perkembangan status awam kaum wanita.

⁴ Michelle Zimbalist Rosaldo, *Women, Culture and Society*, Stanford University Press, 1974, hlm. 196.

Rajah 2.2: Pengaliran Tenaga Kaum Wanita dan Lelaki dalam Tiga Lingkungan



Di ubah suai dari Heng Lai Leng, 1984, hlm 21.

Tujuan utama mengapa wanita mengambil tempat kaum lelaki dalam lingkungan subsistem ialah supaya kehidupan boleh berterusan. Walaupun begitu mungkin terdapat cara atau pilihan lain untuk mengekalkan kehidupan. Jadi apa yang berlaku, saling hubungan antara angkubah, iaitu sama ada kaum wanita masuk ke arena subsistem bergantung kepada keadaan ekologi yang membenarkan atau tidak penggunaan tenaga kaum wanita.

Berdasarkan andaian Sanday yang pertama, kita dapat memahami mengapa kaum lelaki mempunyai status awam yang lebih tinggi berbanding dengan kaum wanita, kerana pada asalnya kaum lelaki yang memainkan peranan yang penting dalam arena subsistem dan pertahanan. Ketidak hadiran lelaki dalam lingkungan subsistem untuk satu jangkamasa yang lama maka kaum wanita menggantikan tempat mereka. Akibatnya ialah kemungkinan wanita akan tinggal terus dalam lingkungan subsistem dan

bekerjasama dengan lelaki. Keadaan ini akan membolehkan wanita tersebut mempunyai suara dan seterusnya mempunyai kuasa.

Rosaldo(1974)⁵ pula mengemukakan dua bidang utama yang menjadi penentu kepada aspek peranan iaitu *domestic* dan *public*. Ia merangkumi aspek-aspek budaya, sosial, ekonomi. *Domestic*'merupakan satu institusi normal dari segi aktiviti-aktiviti yang disusun yang terdiri daripada seorang atau lebih wanita bersama dengan anak-anaknya. Sementara *public* pula menekankan kepada aktiviti-aktiviti dan bentuk-bentuk persatuan atau pertubuhan yang mempunyai *rank* disusun berasingan dari lingkungan *domestic* tadi.

Dimensi '*public*' dan '*domestic*' berpunca dari segi faktor biologi wanita dan lelaki. Asas ini menyebabkan kaum wanita tidak dapat lari dari ruang '*domestic*' tadi kerana mereka telah dipertanggungjawabkan dalam proses pembentukan anak-anak dan proses ini akan berterusan sehingga menjadi suatu kebiasaan dan diterima sebagai salah satu aspek budaya. Manakala bagi lelaki pula, mereka adalah lebih bebas dalam lingkungan '*public*' kerana tidak ada ikatan yang panjang secara emosi dengan tugas penglahiran.

2.3: Peranan Wanita

Kontroversi mengenai peranan wanita memang telah lama berlanjutan. Terdapat ramai pengkaji yang mengemukakan pendapat mereka. Contohnya Margaret Mead (1963)⁶ mengatakan:

"Whatever the arrangements in regard to descent or ownership of property, and even if these formal outward

⁵ Ibid.,hlm.23.

⁶ Margaret Mead, *Sex and Temperament in Three Primitive Societies*, W. Morrow, 1963, hlm. 302.

arrangements are reflected in the temperamental relationships between the two sexes, the prestige values always attach to the occupations of men".

Fransella dan Frost(1977)⁷ juga turut mengakui bahawa kebanyakan masyarakat telah lama mengakui bahawa :

"Man became the 'breadwinner' and women the dependent 'homemaker' responsible for domestic work, children and private personal life".

Pendapat ini telah diperkuatkan lagi dengan pendapat Bott(1971)⁸ yang menyatakan:

"All couples took it for granted that there should be a basic division of labour between husband and wife in which the husband was primarily responsible for supporting the family financially and the wife was primarily responsible for looking after the children and seeing that housework and looking were done. The world would be upside down if the woman went out to work and the husband stayed home to care for the house and children."

Namun begitu stereotipe yang dikemukakan oleh golongan tradisionalist ini seperti Margaret Mead(1963), Friedl(1975) dan Bott(1971) akhirnya mula mendapat tentangan dari golongan modenist seperti Joan Huber(1973), Mednick(1975) dan Fransella & Frost(1977). Menurut mereka pada masa kini peranan wanita telah mengalami perubahan. Tugas wanita tidak sahaja disekitar rumah tangga tetapi telah menceburi bidang yang sama tarafnya dengan lelaki. Imej wanita sebagai isteri dan ibu sahaja dan lelaki sebagai

⁷ Fay Fransella & Kay Frost, *In Being A Women : A Review of Research On How Women See Themselves*, Tavistock Publications, 1977, hlm. 15.

⁸ Elizabeth Bott, *Family and Social Network: Roles, Norms and External Relationships in Ordinary Urban Families*, Tavistock Publications, 1971, hlm. 197.

'breadwinner' dalam metos semata-mata. Asas sosio-budaya dan alam sekeliling yang berhubung dengan perubahan yang berlaku dalam bidang sosio ekonomi telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat terhadap kaum wanita yang telah membenarkan mereka untuk melakukan sebahagian daripada pekerjaan yang bukan hanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Justeru itu sikap memandang rendah terhadap kaum wanita mula disingkirkan oleh masyarakat.

Hal ini disokong dengan pendapat Friedl (1975) yang menegaskan bahawa penentuan peranan lelaki dan wanita adalah disebabkan oleh fungsi sosial dan budaya, bukan hanya warisan biologikal semata-mata.

2.4: Kuasa Membuat Keputusan

Tidak banyak teori yang boleh didapati oleh pengkaji mengenai kuasa wanita yang bekerja dalam membuat keputusan. Namun begitu menurut Gail Freedman Melson⁹ menyatakan membuat keputusan adalah dianggap sebagai satu rangkaian keputusan yang berhubung kait. Membuat keputusan merupakan proses yang melibatkan interaksi dan rangkaian komunikasi dalam keluarga yang tiada permulaan dan akhiran yang berkait rapat dengan pengalaman cepat dan berdasarkan harapan masa depan. Membuat keputusan juga dipengaruhi oleh hubungan dan persekitaran luar serta dicorakkan oleh tanggapan keperluan dan nilai anggota keluarga.

Terdapat beberapa bukti yang dikumpulkan oleh Blood dan Wolfe (1960)¹⁰ dalam kajianya di Amerika Syarikat yang menunjukkan bahawa

⁹ Gail Freedman Melson *Keluarga dan Persekutuan: Perspektif Ekosistem*. (Terjemahan Jariah bt. Masud), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 146-147).

¹⁰ Robert Oscar Blood & Donald M. Wolfe, *Husbands and Wives: The Dynamics of*

kuasa wanita yang bekerja di luar rumah meningkat tetapi kurang di dalam rumah tangga. Kajian ini adalah berasaskan Teori Sumber (*Resource Theory*) yang menggunakan Model Pertukaran Sosial (*Social Exchange Model*). Teori ini menyatakan bahawa kuasa berpunca dari keperluan sumber.

Ketidakseimbangan kuasa berlaku apabila salah seorang teman hidup ini mempunyai sumber yang berlebihan. Kalau suami sahaja yang membawa nafkah untuk keluarga maka dia lah yang berkuasa. Apabila pendapatan keluarga tidak mencukupi maka suami terpaksa mengizinkan isterinya untuk membantu mencari rezeki. Sehubungan dengan keadaan demikian isteri bekerja juga diberi kuasa untuk mencari nafkah keluarga, maka secara langsung mempunyai kuasa di atas sebahagian ekonomi keluarga. Walaupun kajian ini berasaskan masyarakat barat, namun kita boleh meneliti sejauhmanakah teori ini berupaya mewakili golongan wanita secara menyeluruh.

Bagi kes kajian di Malaysia pula Khadijah Haji Muhammad¹¹ turut membincangkan aspek membuat keputusan. Menurut beliau keputusan boleh dibahagikan kepada dua iaitu keputusan-keputusan yang kecil (*minor decision*) yang kebanyakannya dibuat oleh isteri. Keputusan kecil ini termasuklah keputusan-keputusan tentang perbelanjaan dapur dan pasar, pakaian, alatan rumah iaitu perkara yang berlaku tiap-tiap hari dan dari bulan ke bulan. Kumpulan yang kedua pula ialah keputusan-keputusan yang besar (*major decision*) yang melibatkan perkara-perkara yang penting seperti berhubung dengan perjalanan yang jauh dan perkara-perkara yang sering berlaku. Termasuk di dalam kumpulan ini ialah keputusan-keputusan

Married Living, Glencoe, 111, Freed, 1960.

¹¹ Khadijah Hj. Muhamad, Wanita dan Pekerjaan, Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 189.

untuk pindah rumah, tempat untuk bercuti dan selalunya keputusan-keputusan bagi perkara-perkara ini diputuskan oleh suami.

Pada keseluruhannya menurut beliau, corak membuat keputusan dalam keluarga adalah tipikal bagi keluarga-keluarga bandar yang isteri dan suami bekerja. Dalam membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan rumah tangga dikatakan ianya melibatkan unsur-unsur tolak-ansur dan persefahaman antara suami dan isteri.

Seorang lagi pengkaji iaitu Heng Lai Leng¹² dalam kes kajian mengenai pekerja wanita yang telah berkahwin di Ladang Teh, Cameron Highland turut menyatakan bahawa kuasa wanita mempunyai hubungan rapat dengan penghasilan ekonomi. Seseorang wanita dikatakan kurang mempunyai kuasa dan status disebabkan aktiviti yang mereka lakukan tidak menghasilkan nilai wang dan cara bagaimana seseorang wanita boleh mempunyai kuasa ialah dengan menguasai sumber-sumber bagi memperolehi wang.

¹² Heng Lai Leng, Satu Kajian Mengenai Pekerja Wanita yang Sudah Berkahwin di Sebuah Ladang Teh di Cameron Highland, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/85, hlm. 18-19.

Bab 3

LARAT BELAKANG PERIBADI RESPONDEN DAN PASANGAN

Bab ini menganalisa latar belakang peribadi responden-responden wanita dan pasangannya. Bilangan mereka yang dikaji adalah seramai 40 orang. Analisa perkara-perkara peribadi mereka ini dilihat dari segi umur, pendapatan, tahap pendidikan, data perkahwinan dan pekerjaan.

3.1: Umur

Jadual 3.1: Umur Responden dan Pasangan

UMUR	Responden		Pasangan	
	Bilangan	%	Bilangan	%
20-24	1	2.5	-	-
25-29	4	10.0	1	2.5
30-34	10	25.0	7	17.5
35-39	16	40.0	15	37.5
40-44	5	12.5	9	22.5
45-50	4	10.0	5	12.5
50 keatas	-	-	3	7.5
Jumlah	40	100.0	40	100.0

Jadual 3.1 menunjukkan umur responden dan pasangan masing-masing. Berdasarkan Jadual ini kebanyakan responden yang terlibat dalam sektor perniagaan tidak formal ini adalah terdiri dari kalangan mereka yang berumur antara 30 hingga 40 tahun yang telah mencatatkan sebanyak 65% daripada keseluruhan jumlah responden. Manakala golongan di bawah umur 24 tahun merupakan paling sedikit iaitu mencatatkan seramai 2.5% sahaja.

Keadaan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Fatimah Daud¹ di Bandaraya Kuala Lumpur tahun 1975 yang mencatatkan golongan muda iaitu di antara 20 hingga 30 tahun yang kebanyakannya menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan iaitu sebanyak 40.5%.

Hal ini berlaku mungkin disebabkan jarak masa yang berbeza. Kalau dulu bidang perindustrian agak kurang sambutan dari golongan muda tapi kini golongan muda lebih ramai tertumpu kepada bidang perindustrian yang tidak memerlukan modal dan pengalaman untuk memasuki dan cabaran di dalam sektor tersebut juga adalah kurang jika dibandingkan dengan sektor perniagaan tidak formal ini.

Selain daripada itu kalau kita lihat golongan responden yang berumur 50 tahun ke atas langsung tidak ada yang terlibat dalam sektor perniagaan ini. Di sini didapati wujudnya persamaan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Fatimah Daud², menurut beliau golongan peringkat umur ini telah mencatatkan peratus yang paling kecil sekali iaitu 17.6% sahaja. Faktor utama menyebabkan kurangnya wanita dalam peringkat umur ini yang terlibat dalam bidang perniagaan tidak formal adalah kerana pada tahap ini produktiviti mereka sudah merosot sedangkan bidang perniagaan ini memerlukan tumpuan tenaga dan masa yang banyak dan faktor ini disokong dengan kenyataan Fatimah Daud³ yang mengatakan "*orang-orang yang sudah tua lebih suka berhat daripada bersusah-payah bekerja di luar rumah*".

¹ Fatimah Daud, 'Penyertaan Wanita Bumiputera dalam Bidang Perniagaan dan Perusahaan di Kuala Lumpur', Tesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm.41-42.

² Ibid.

³ ibid.

Berdasarkan dari Jadual ini juga, kalau kita lihat umur bagi pasangan responden pula didapati bahawa sebahagian besar responden mempunyai suami yang berumur antara 35 hingga 44 tahun iaitu mencatatkan sebanyak 60%. Tahap umur inilah dikatakan sebagai tahap umur yang matang bagi lelaki membuat keputusan dan memainkan peranan dalam rumah tangga dan masyarakat.

Sementara responden yang mempunyai suami yang berumur di bawah 29 tahun hanya mencatatkan 2.5% sahaja. Hal ini jelas menunjukkan satu kadar yang rendah. Manakala responden yang mempunyai suami yang berumur 50 tahun ke atas adalah sebanyak 7.5%. Dengan ini dapatlah kita simpulkan bahawa kebanyakan responden yang terlibat dalam bidang perniagaan di sektor tak formal di Kota Bharu berkecenderung untuk mempunyai suami yang berumur antara 30 hingga 50 tahun.

3.2: Pendidikan

Pelajaran merupakan asas yang penting untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan, terutama yang melibatkan Ilmu Matematik. Hal ini kerana ia merupakan asas jual-beli dalam masyarakat yang melibatkan pengiraan nilai barang dan wang.

Jadual 3.2 : Tahap Pendidikan Responden dan Pasangan

Tahap Pendidikan	Responden		Pasangan	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Tidak bersekolah	2	5.0	2	5.0
Darj. 1-6	8	20.0	4	10.0
Ting. 1-SRP	5	12.5	6	15.0
Ting. 4-SPM	13	32.5	14	35.0
Ting. 6-STPM	11	27.5	11	27.5
Diploma	1	2.5	3	7.5
Jumlah	40	100.0	40	100.0

Walau bagaimanapun berdasarkan Jadual 3.2 kita masih mendapati terdapat 5.0% daripada responden yang tidak memiliki pendidikan formal yang terlibat dalam perniagaan. Walaupun mereka tidak memiliki aras pendidikan formal tapi tidak dinafikan keupayaan mereka, berasaskan pengalaman dan didikan keluarga sejak kecil mungkin mempengaruhi kejayaan mereka mengukuhkan diri dalam bidang perniagaan.

Berdasarkan Jadual ini juga didapati golongan yang berpendidikan tinggi yang mencapai taraf Diploma dan Ijazah amat kurang menceburkan diri dalam perniagaan jenis ini. Perkara ini jelas dengan catatan hanya sebanyak 2.5% sahaja yang melibatkan diri.

Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan cabaran yang tinggi yang wujud dalam bidang perniagaan menjadikan mereka lebih berminat untuk menceburkan diri dalam sektor-sektor pekerjaan lain terutama sektor swasta dan kerajaan yang menjamin masa depan yang lebih cerah.

Golongan pada tahap SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) paling ramai membabitkan diri dalam sektor perniagaan tak formal ini yang mencatatkan 32.5% dan diikuti oleh golongan berkelulusan STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) sebanyak 27.5%.

Kalau dibandingkan tahap pendidikan responden dan pasangan mereka didapati terdapat satu tahap pendidikan yang hampir sama. Secara jelas di sini dapatlah kita simpulkan bahawa seseorang responden yang mempunyai tahap pendidikan tertentu akan berkecenderungan untuk mempunyai suami yang mempunyai tahap pendidikan yang hampir sama.

3.3: Perkahwinan

Soal perkahwinan juga merupakan perkara yang dianggap penting kerana pasangan hidup yang sesuai akan menjamin sebuah rumah tangga yang kekal dan bahagia. Mengikut amalan masyarakat Melayu tradisi, seorang bakal suami lebih banyak dipilih oleh keluarga, manakala anak gadis mereka hanya mengikuti apa yang telah diatur oleh orang tua. Namun sekarang, keadaan sudah mula berubah. Kebanyakan pasangan hidup dicari sendiri oleh orang yang empunya diri. Berdasarkan kepada keadaan inilah pengkaji juga turut mengkaji tentang soal pemilihan suami masing-masing dan sejauh manakah responden tersebut mempunyai pertalian darah dengan suami mereka.

Jadual 3.3: Perkahwinan: Pilihan Bakal Suami dan Pertalian Darah dengan Suami

Pilihan	Pertalian Darah	Bilangan	Peratus
Sendiri	Tidak	18	45.0
Keluarga	Tidak	15	37.5
Sendiri	Ya	5	12.5
Keluarga	Ya	2	5.0
	Jumlah	40	100.0

Berdasarkan Jadual 3.3 di atas, didapati bahawa sebanyak 45% daripada kalangan peniaga, membuat pilihan sendiri pasangan hidup masing-masing, kedua-dua pasangan ini sememangnya tidak ada pertalian darah.

Namun begitu, terdapat juga pasangan responden yang berkahwin ditentukan oleh keluarga masing-masing. Hal ini jelas dengan catatan sebanyak 37.3% daripada kalangan responden yang berkahwin hasil dari pilihan keluarga masing-masing. Namun begitu pasangan ini juga bebas dari ikatan kekeluargaan.

Hasil dari kajian hanya didapati sebanyak 5.0% sahaja daripada pasangan hidup yang diatur oleh keluarga yang mempunyai pertalian darah dan 12.5% pula, walaupun mempunyai pertalian darah dengan suami tapi mereka yang membuat pilihan sendiri bukannya dirancang oleh keluarga masing-masing.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa hanya terdapat 17.5% sahaja dari kalangan peniaga yang dikaji yang mempunyai hubungan saudara dengan suami manakala bakinya iaitu 82.5% langsung tidak mempunyai apa-apa pertalian darah dengan suami masing-masing. Soal

membuat pilihan pula, diri-sendiri lebih dominan dalam menentukan soal pilihan iaitu sebanyak 67.5% manakala keluarga pula mempunyai kuasa sebanyak 42.5% dalam menentukan soal jodoh untuk anak-anak.

Secara rumusannya, kebanyakan responden yang bekerja sebagai peniaga secara tidak formal ini bolehlah dikatakan mereka agak lebih bebas dengan ikatan cara hidup tradisi dalam soal membuat pilihan bagi pasangan hidup masing-masing.

3.4: Lama Bekerja

Pengalaman bermula juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi jumlah pendapatan seseorang responden yang seterusnya akan mempengaruhi kuasa bagi seseorang surirumah dalam membuat keputusan berhubung soal rumah tangga. Semakin lama seseorang itu bermula bermula maka semakin kukuh perniagaan mereka kerana ia akan mempunyai semakin ramai pelanggan terutama pelanggan tetap. Perkara ini memang benar menurut seorang responden yang agak berjaya dalam perniagaan. Menurut beliau, pada peringkat awal beliau mula bermula bermula perniagaannya umpama pepatah "hidup segan mati tak mahu" kerana dirinya masih lagi belum dikenali. Oleh kerana itu bagi seorang usahawan "ihsan" merupakan aset yang amat penting bagi menentukan kejayaan dalam perniagaan. Untuk itu "masa" merupakan faktor yang utama yang akan membekalkan pengalaman dan "ihsan" tadi.

Jadual 3.4: Lama Responden dan Pasangan Bekerja.

Lama Bekerja	Responden		Pasangan	
	Bilangan	%	Bilangan	%
0-4	9	22.5	4	10.0
5-9	9	22.5	6	15.0
10-14	17	42.5	14	35.0
15-19	5	12.5	8	20.0
20-24	1	2.5	5	12.5
25-29	-	-	1	2.5
Bersara	-	-	2	5.0
Jumlah	40	100.0	40	100.0

Merujuk kepada Jadual 3.4, didapati 42.5% daripada peniaga di sekitar Kota Bharu telah memulakan perniagaannya antara 10 hingga 14 tahun. Manakala 12.5% pula telah bermiaga selama antara 15 hingga 19 tahun dan 2.5% sahaja yang bermiaga paling lama iaitu 20 hingga 24 tahun. Ketiga-tiga golongan ini boleh dianggap sebagai sudah mempunyai aset dalam bentuk "ihsan" dan sudah tidak begitu menghadapi banyak masalah untuk terus kekal dalam perniagaan berbanding dengan golongan di bawah 10 tahun pengalaman bermiaga, yang menurut kajian golongan ini meliputi 45% daripada jumlah keseluruhan responden yang dikaji. Daripada 45% ini, 22.5% merupakan mereka yang telah bermiaga antara 5 hingga 9 tahun. Manakala 22.5% lagi merupakan mereka yang masih baru dalam bidang perniagaan iaitu pengalaman kurang dari 5 tahun bermiaga.

Golongan peniaga yang kurang 5 tahun bermiaga inilah menurut Majlis Pembandaran Kota Bharu (MPKB) yang agak menimbulkan masalah dalam menentukan jumlah keseluruhan mereka yang terbabit dalam sektor perniagaan tidak formal ini. Hal ini disebabkan perniagaan yang mereka

jalankan tidak kekal lama, silih berganti dan tidak pernah tetap dalam jangka masa tertentu.

Keadaan ini timbul kerana golongan yang terbabit dalam perniagaan seperti ini menghadapi masalah seperti modal yang kecil yang sukar untuk dibuat pusingan, persaingan yang terlalu hebat dari pekedai-pekedai lain dan tidak kurang juga masalah-masalah rumahtangga yang timbul seperti suami yang tidak membenarkan, masalah penjagaan anak-anak dan lain-lain urusan rumahtangga.

3.5: Pendapatan

Berkait dengan lama responden bermiaga ini, pengkaji juga turut menyelidiki pendapatan sebulan responden dan pasangan responden. Namun begitu pengkaji agak menghadapi masalah kerana kebanyakan responden cuba untuk merahsiakan pendapatan masing-masing. Oleh itu pengkaji cuba untuk memerangkap responden dengan menganggarkan sendiri pendapatan responden. Melalui cara ini responden agak sukar untuk menyembunyikan jumlah pendapatan mereka walaupun jumlah pendapatan yang diberikan adalah secara kasar sahaja.

Jadual 3.5: Pendapatan Sebulan Responden dan Suami

Pendapatan Sebulan \$M	Responden		Pasangan	
	Bilangan	%	Bilangan	%
0-299	6	15.0	5	12.5
300-599	30	75.0	19	47.5
600-899	2	5.0	11	27.5
900-1,1199	1	2.5	3	7.5
1,200 ke atas	1	2.5	2	5.0
Jumlah	40	100.0	40	100.0

Merujuk kapada Jadual 3.5, didapati golongan responden yang menerima pendapatan paling banyak adalah diantara RM300 hingga RM599 sebulan, iaitu sebanyak 75%. Manakala sebanyak 5% pula berpendapatan antara RM600 hingga RM899 sebulan. Hanya terdapat 2 orang sahaja peniaga yang benar-benar berjaya yang berpendapatan melebihi RM900 sebulan. Manakala terdapat 15% pula yang memperolehi pendapatan kurang dari RM300 sebulan. Apabila pertanyaan diajukan mengapa mereka tetap meneruskan perniagaan walaupun pendapatan yang diperolehi langsung tidak memuaskan, mereka menyatakan mereka tidak mempunyai pilihan lain dan ada yang menyatakan kegiatan perniagaan hanyalah untuk mengisi masa sahaja.

Manakala pendapatan bulanan bagi pasangan responden pula didapati 47.5% memperolehi pendapatan antara RM300-599 sebulan. Hanya terdapat 12.5% sahaja daripada keseluruhan pasangan responden yang dikaji yang memperolehi pendapatan lebih RM900 sebulan. Didapati pasangan responden yang memperolehi pendapatan pada tahap ini ialah golongan yang bekerja dengan sektor kerajaan. Manakala mereka yang memperolehi pendapatan kurang dari RM600 sebulan ialah terdiri daripada dari golongan yang bekerja

sendiri sama ada sebagai petani, peniaga, bertukang, pemandu dan lain-lain pekerjaan yang tidak menggunakan teknologi yang tinggi.

3.6: Bilangan Anak

Dalam kajian ini juga pengkaji tidak lupa untuk memastikan bilangan anak dalam sesebuah keluarga. Walaupun ramai yang menganggap bahawa bilangan anak bukanlah angkubah yang penting yang mempengaruhi kuasa dalam membuat keputusan tapi di sini pengkaji cuba memasukkan jumlah bilangan anak sebagai salah satu angkubah penting.

Jadual 3.6: Bilangan Anak

Bilangan Anak	Kekerapan	Peratus
2	7	17.5
3	10	25.0
4	8	20.0
5	6	15.0
6	1	2.5
7	6	15.0
8	2	5.0
Jumlah	40	100.0

Hasil dari penelitian pengkaji berdasarkan Jadual 3.6, didapati 42.5% daripada responden yang dikaji mempunyai anak tidak melebihi 3 orang. Hanya 22.5% sahaja daripada responden yang mempunyai anak melebihi 5 orang iaitu antara 6 hingga 8 orang anak. Manakala 35.0% pula didapati mempunyai antara 4 hingga 5 orang anak.

Berikutnya dari kajian terhadap bilangan anak ini, pengkaji juga turut meneliti bilangan isi rumah dalam sebuah keluarga. Hasilnya didapati walaupun terdapat ipar, mertua, ibubapa responden, dan lain-lain saudara-mara yang turut tinggal bersama-sama dengan keluarga responden didapati bilangan ahli keluarga setiap responden tidak ada yang melebihi 12 orang. Maka, dengan ini dapatlah dikatakan tanggungan responden dan suami dalam membiayai ahli keluarga tidaklah besar memandangkan kos hidup di kawasan kajian yang tidak begitu tinggi.

4.2 Analisis Persepsi

a) Pengaruh Lingkungan

b) Pengaruh Pendidikan

c) Pengaruh Pekerjaan

d) Pengaruh Kesehatan

e) Pengaruh Kepercayaan

f) Pengaruh Kepercayaan

g) Pengaruh Kepercayaan

h) Pengaruh Kepercayaan

i) Pengaruh Kepercayaan

j) Pengaruh Kepercayaan

BAB 4

PEMBAHAGIAN PERANAN DAN MEMBUAT KEPUTUSAN

Wanita berumahtangga yang bekerja boleh menyebabkan perubahan kuasa dalam pembahagian tugas keluarga. Pengurusan rumah tangga yang lazimnya dilakukan oleh isteri yang tidak bekerja terpaksa dibantu oleh lain-lain ahli keluarga seperti suami dan anak-anak yang telah remaja. Kuasa isteri bekerja dalam rumah tangga juga berkurangan kerana suami juga telah mempunyai suara dalam pengurusan rumah tangga. Berasaskan kepada andaian tersebut, bab ini mengkaji peranan yang dimainkan oleh wanita bekerja dalam tugas-tugas rumah tangga dan membuat keputusan.

4.1 Aspek Peranan

Di bawah aspek peranan pengkaji akan melihat peranan dari 3 sudut iaitu dalam bidang kewangan, kepimpinan rumah tangga dan penjagaan anak.

4.1.1: Peranan Dalam Bidang Kewangan

Berdasarkan Jadual 4.1.1, didapati responden mempunyai lebih banyak peranan dalam bidang kewangan. Sebanyak 45% responden bertanggungjawab memegang wang dalam isi rumah, manakala pasangan responden hanya 15% sahaja yang memegang wang dari keseluruhan sampel yang dikaji.

Namun di sini terdapat catatan iaitu 2.5% terdiri dari ibu mertua responden yang memegang wang dalam isi rumah. Menurut responden yang terlibat tugas memegang wang dalam isi rumah memang sengaja diserahkan kepada ibu mertua disebabkan kehidupannya yang sentiasa sibuk. Manakala

ibu mertua yang tinggal bersama-sama mempunyai lebih banyak masa di rumah dengan cara ini anak-anak responden tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan wang kerana sumber kewangan sentiasa berada di rumah.

Jadual 4.1.1: Peranan dalam Bidang Kewangan.

	Memegang duit dalam isi rumah		Menguruskan perbelanjaan asas		Berperanan sebagai Menteri Kewangan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Responden	18	45.0	20	50.0	14	35.0
Pasangan	6	15.0	5	12.5	8	20.0
Kedua-dua	15	37.5	15	37.5	18	45.0
Ibu Mertua	1	2.5	-	-	-	-
Jumlah	40	100.0	40	100.0	40	100.0

Manakala dalam menguruskan perbelanjaan asas, peranan responden didapati semakin bertambah iaitu meningkat kepada 50% sementara peranan pasangan responden semakin berkurang kepada 12.5%.

Bagi peranan sebagai Menteri Kewangan iaitu dalam urusan belanjawan rumah tangga, didapati kedua-duanya iaitu pasangan dan responden telah sama-sama memainkan peranan sebagai Menteri Kewangan dengan mencatatkan sebanyak 45%. Kalau dibandingkan antara responden dan pasangan didapati responden ternyata lebih dominan lagi berperanan sebagai Menteri Kewangan dengan catatan sebanyak 35% manakala pasangan hanya 20% sahaja.

Daripada Jadual ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa responden lebih memainkan peranan penting dan lebih berkuasa dalam bidang kewangan kalau dibandingkan dengan pasangan mereka.

4.1.2 : Peranan Memimpin

Kepimpinan dalam sebuah keluarga penting kerana dari sinilah asas pembentukan sesebuah masyarakat. Seandainya pemimpin dalam sesebuah keluarga berjaya memainkan peranannya dengan baik, maka secara tidak langsung ia telah berjaya membentuk keharmonian dalam sesebuah masyarakat dan seterusnya sesebuah negara. Memandangkan pentingnya peranan dalam rumah tangga, pengkaji turut meninjau peranan ini dalam keluarga responden yang dikaji.

Jadual 4.1.2 : Peranan Memimpin Keluarga

	Kekerapan	Peratus
Responden	-	-
Pasangan	37	92.5
Tiada Ketua Tertentu	3	7.5
Jumlah	40	100.0

Berdasarkan Jadual 4.1.2, didapati 92.5% responden yang dikaji menyatakan bahawa pasangan mereka yang mengambil peranan sebagai pemimpin. Hanya 7.5% sahaja yang mengatakan dalam rumah tangga mereka, tidak tentu siapa yang memegang peranan sebagai pemimpin.

Walaupun begitu hasil dari pemerhatian responden juga bersama soalan-soalan yang memerangkap responden secara tidak langsung didapati bahawa tidak semua dari 92.5% peranan pemimpin yang dimainkan oleh para suami tadi adalah jawapan yang sebenarnya, kerana terdapat beberapa bukti menunjukkan responden cuba melindungi hakikat yang sebenarnya bahawa responden sendiri yang mengambil tanggungjawab memimpin dalam rumah tangga mereka tetapi tidak diterangkan secara jelas.

Hal ini berlaku disebabkan untuk menjaga imejnya dan juga suaminya atau untuk kebaikan rumah tangga mereka. Terdapat juga di kalangan responden yang melihat dari perspektif Islam bahawa kepimpinan rumah tangga adalah tugas suami, maka mereka juga turut mengakui bahawa suami mereka yang memimpin rumah tangga mereka, walaupun ianya tidak benar.

Namun begitu peratus sebenar dalam kejadian seperti ini tidak dapat dipastikan oleh pengkaji, hanya beberapa orang responden sahaja yang sempat pengkaji mengadakan *cross-check* dengan bertanya kepada jiran ataupun saudara-mara responden untuk mengetahui pandangan mereka dan cuba membandingkan dengan jawapan responden sebelum ini.

4.1.3: Peranan Penjagaan Anak.

Penjagaan anak-anak adalah satu masalah yang sering dihadapi oleh ibu-ibu yang bekerja, memandangkan kedudukan keluarga di zaman moden ini yang lebih berasaskan keluarga nukleus. Kalau dulu sistem keluarga tradisional yang berasaskan sistem keluarga luas di mana ibu bapa, datuk nenek dan saudara-mara tinggal serumah atau berhampiran dalam satu kawasan yang boleh membantu ibu bapa, mengawasi anak-anak semasa mereka keluar bekerja, tetapi kini ibu bapa di kalangan kanak-kanak itu sendiri terpaksa menanggung risiko akibat sistem keluarga nukleus ini. Disinilah letaknya pengorbanan atau saling tanggung jawab antara suami isteri yang bekerja dalam memainkan peranan bagi penjagaan dan perawatan anak-anak ketika mereka masih kecil.

Jadual 4.1.3.1: Peranan dalam Penjagaan Anak Ketika Kecil

Perkara	Sedi Susu	Bangun Bila Anak Menangis Malam	Tukar Lampin	Sedia Makanan Anak	Tukar Pakaian Anak	Mandikan Anak	% s
Responden	77.5	77.5	72.5	62.5	82.5	60.0	432.5
Pasangan kedua-dua	5.0	-	10.0	10.0	7.5	7.5	40.0
Lain-lain	12.5	22.5	17.5	7.5	7.5	25.0	92.5
Jumlah	100	100	100	100	100	100	600

Berdasarkan Jadual 4.1.3.1, pengkaji telah menjalankan suatu soal-selidik untuk melihat peranan yang dimainkan oleh suami isteri ini dalam penjagaan anak-anak ketika kecil. Daripada keseluruhan kajian didapati responden atau isteri memainkan peranan dan tanggungjawab yang cukup penting dalam setiap aspek penjagaan anak-anak mereka.

Secara purata didapati peranan dan tanggungjawab para isteri atau ibu dalam menjaga anak-anak mereka adalah sebanyak 72.08%. Kalau dibandingkan dengan tanggungjawab anggota lain dalam keluarga. Suami atau bapa hanya berperanan sebanyak 6.67% sahaja dalam merawat dan menjaga bayi mereka ketika kecil.

Berdasarkan kajian ini juga didapati wujudnya pasangan suami-isteri yang sama-sama mengambil tanggungjawab memainkan peranan dalam penjagaan dan perawatan anak-anak mereka ketika kecil. Sungguhpun peratusan ini kecil hanya 17.08% tetapi ini sudah cukup membuktikan sudah wujudnya kesedaran di kalangan para suami bahawa mereka juga harus memikul tanggungjawab dalam menjaga dan merawat anak-anak dan tugas ini

tidak seharusnya diserahkan bulat-bulat kepada para isteri semata-mata, memandangkan para isteri juga turut sama bekerja di luar membantu menambahkan pendapatan keluarga.

Jadual 4.1.3.2: Ketika Anak-Anak Sakit

	Bilangan	Peratus
Responden	27	67.5
Pasangan	2	5.0
Kedua-dua	11	27.5
Jumlah	40	100.0

Peranan dalam penjagaan anak ketika sakit berdasarkan kepada Jadual 4.1.3.2 didapati bahawa peranan isteri atau responden dari segi peratusannya agak menurun sedikit kalau dibandingkan dengan penjagaan anak ketika kecil. Hal ini jelas dengan catatan 72.08%. Peranan suami atau bapa dalam menumpukan masa menjaga anak-anak ketika sakit juga menunjukkan penurunan sebanyak 1.67%. Namun begitu di sini didapati satu kecenderungan untuk kedua pasangan bersama-sama mengambil cuti ketika anak-anak sakit yang menunjukkan peratusan bilangan yang cukup tinggi iaitu 27.5%.

Hasil dari temuramah ke atas responden yang mempunyai anak-anak kecil didapati wujudnya satu kecenderungan untuk mereka berhenti kerja buat sementara waktu seandainya didapati tiada orang yang boleh dipercayai untuk menjaga anak mereka. Hal ini berlaku kerana penglibatan mereka dalam perniagaan ini hanyalah secara sukarela sahaja dan tiada sesiapa yang boleh menyekat untuk mereka masuk atau keluar dari sektor ini.

Penjagaan dan perawatan untuk anak-anak ketika waktu persekolahan tidaklah begitu kritikal kalau dibandingkan ketika mereka kecil. Pada peringkat ini mereka sudah boleh berdikari melakukan beberapa perkara tertentu tanpa banyak bantuan.

Dalam meneliti aspek penumpuan masa pada anak-anak dalam alam persekolahan ini, pengkaji telah memberi tumpuan dalam 6 perkara yang pengkaji fikirkan penting. Berdasarkan Jadual 4.1.3.3, Enam aktiviti utama yang pengkaji pilih ialah sukan & permainan, membaca & kerja sekolah, bercuti & berekreasi, membeli-belah, berjumpa doktor gigi dan akhir sekali menghadiri majlis di sekolah.

Jadual 4.1.3.3: Semasa Zaman Persekolahan

	Sukan & Permainan	Membaca & Kerja sekolah	Bercuti & Berekreasi	Membeli -belah	Berjumpa doktor gigi	Majlis di sekolah
Responden	12.5	27.5	7.5	45.0	40.0	22.5
Pasangan	32.5	12.5	15.0	10.0	27.5	50.0
Kedua-dua	27.5	47.5	55.0	37.5	25.0	15.0
Lain-lain	20.0	7.5	10.0	-	5.0	5.0
Tidak berkaitan	7.5	5.0	12.5	7.5	2.5	7.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Secara keseluruhannya dari semua aspek ini, responden lebih memberi tumpuan kepada membeli-belah untuk anak-anak yang mencatatkan 45.0% dan aktiviti kedua yang diberi tumpuan oleh responden ialah menemani anak-anak berjumpa doktor gigi yang mencatatkan 40.0%. Kedua-dua aktiviti mungkin dianggap remeh oleh golongan suami. Kalau dilihat kepada kedua-

dua aktiviti ini memang wajarlah responden yang lebih banyak memberi tumpuan masa.

Sementara itu bagi pasangan pula, tumpuan masa lebih banyak diberikan dalam menghadiri majlis di sekolah yang mencatatkan sebanyak 50%, dan aktiviti kedua yang diberikan tumpuan masa bersama anak-anak ialah sukan dan permainan yang mencatatkan peratusan yang agak tinggi mungkin kerana minat mereka secara semulajadi terhadap sukan dan sebarang bentuk aktiviti yang melibatkan permainan.

Kalau kita lihat di sini tentang aspek bercuti dan berekreasi, terdapat ciri *consultation and co-operation* untuk sesuatu keputusan, yang mencatatkan 55% ibubapa meluang masa bersama-sama anak-anak. Begitu juga dalam penumpuan masa terhadap pembacaan dan kerja rumah anak-anak, kedua-dua responden dan pasangan saling berkerjasama menumpukan perhatian terhadap anak-anak. Keadaan ini bersesuaian dengan kehidupan zaman yang mencabar ini, sokongan kedua-dua ibu bapa adalah perlu sebagai dorongan untuk anak-anak terus maju dalam pelajaran mereka.

Peranan ahli-ahli lain dalam keluarga jika diteliti, kebanyakan ahli keluarga lain seperti keluarga atau abang kepada kanak-kanak tersebut atau datuk dan nenek serta pembantu rumah lebih menumpukan masa memerhatikan aktiviti sukan dan permainan mereka sahaja dan hanya sedikit masa ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti lain.

Jika dilihat kepada Jadual ini juga terdapat beberapa aspek yang agak menarik untuk dicungkilkan iaitu wujudnya jawapan tidak berkaitan bagi setiap aktiviti yang ditanya. Perkara ini jelas menunjukkan kepada kita

bahawa masih wujud lagi golongan ibubapa yang langsung tidak ambil perhatian dalam setiap aktiviti yang anak-anak mereka lakukan. Hasil dari temuramah didapati responden menyatakan bahawa setiap aktiviti yang anak-anak mereka lakukan adalah berdasarkan kehendak mereka sendiri kerana responden setiap hari sibuk menguruskan perniagaan.

4.1.4: Peranan Membuat Kerja Rumah

Menurut masyarakat tradisional, wanita yang telah berumahtangga tentunya akan mengambil peranan sepenuhnya dalam penyediaan makanan, mengemas rumah, mencuci dan menggosok pakaian. Sementara lelaki akan mengambil semua peranan-peranan di luar rumah tangga khususnya dalam mencari rezeki.

Jadual 4.1.4: Peranan Membuat Kerja Rumah

	Responden	Pasanangan	Kedua-dua	Pembantu	Lain-lain
Menyediakan makanan	87.5	2.5	-	-	10.0
Mengemas rumah	67.5	2.5	7.5	7.5	15.0
Mencuci pakaian	62.5	2.5	12.5	5.0	15.0
Menggosok pakaian	55.0	22.7	22.5	-	-
Jumlah	272.5	30.0	42.5	12.5	42.5

Menerusi perubahan masa, wanita juga turut membantu menambahkan pendapatan keluarga, akibatnya peranan membuat kerja rumah juga turut berubah. Hal ini terbukti dengan merujuk kepada Jadual 4.1.4 yang menunjukkan kerjasama antara kedua-dua pasangan dalam membuat kerja rumah contohnya mencuci pakaian yang mencatatkan 12.5%, pasangan juga

turut menyumbangkan tenaga dalam mengosok pakaian iaitu 22.5% daripada keseluruhan responden yang dikaji.

Namun begitu, tidak dinafikan responden masih tetap memainkan peranan penting dalam aspek penyediaan makanan, mengemas rumah, mencuci dan mengosok pakaian ini. Perkara ini jelas ditunjukkan dengan jumlah purata bagi keempat-empat tugas ini sebanyak 68.1% yang dipungut oleh responden, sedangkan pasangan sebanyak 7.5%, lain-lain isi rumah pula puratanya sebanyak 10.63% dari jumlah keseluruhan.

4.1.5: Peranan Membuat Tugas-Tugas Am.

Jadual 4.1.5: Peranan Membuat Tugas-Tugas Am

Perkara	Responden	Pasangan	kedua-dua	Lain-lain	Tidak Pernah
Ke kedai	55.0	22.5	22.5	-	-
Berkebun	2.5	45.0	15.0	17.5	20.0
Mencuci kereta	22.5	60.0	2.5	2.5	10.0
Jumlah	80.0	127.5	40.0	20.0	30.0

Berdasarkan Jadual 4.1.5, tiga tugas am yang telah diselidiki oleh pengkaji untuk melihat siapa yang memainkan lebih banyak peranan dalam tugas tersebut. Keputusannya didapati tugas membeli barang dapur atau makanan, responden lebih banyak memainkan peranan iaitu sebanyak 55.0% sedangkan pasangan masing-masing 22.0%. Menurut responden beliau membuat tugas ke kedai kerana kebetulan tempat mereka bermiaga dekat dengan pasar dan ini lebih menjimatkan masa serta tidak perlu menyusahkan ahli keluarga lain.

Bagi tugas berkebun dan memotong rumput pula pasangan lebih banyak memainkan peranan. Didapati 45.0% dilakukan oleh pasangan, sedangkan responden menyumbangkan tenaga yang kecil sahaja iaitu sebanyak 2.5%. Namun begitu terdapat juga anggota keluarga yang lain yang turut menyumbangkan tenaga membantu iaitu 17.5% sementara 20.0% responden pula menyatakan bahawa mereka tidak ada mengusaha sebarang kebun dan halaman rumah mereka berpasir tiada rumput untuk dipotong.

Tugas mencuci kereta juga pasangan yang lebih memainkan peranan iaitu 60.0%, sedangkan responden hanya 22.5% sahaja, kerana menurut kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kereta sebaliknya kereta yang ada adalah kepunyaan suami masing-masing jadi sudah sewajar tugas mencuci kereta menjadi tanggungjawab suami bukannya isteri.

4.2: Aspek Membuat Keputusan

Pengkaji juga cuba melihat peranan membuat keputusan dalam rumahtangga ini secara menyeluruh meliputi berbagai aspek utama.

4.2.1: Keputusan Mengenai Perkara Asas Rumahtangga

Aspek pertama yang dilihat oleh pengkaji adalah berkenaan dengan pembelian/pemilihan tempat kediaman, kenderaan dan perabut. Ketiga-tiga aspek ini dipilih dengan alasan ianya merupakan satu keperluan asas dalam sesebuah rumahtangga bagi masyarakat moden dewasa ini.

Jadual 4.2.1 : Keputusan Mengenai Perkara Asas Rumahtangga.

Perkara	Responden (%)	Pasangan (%)	Kedua-dua (%)	Tidak pasti (%)
Membeli/memilih tempat kediaman	17.5	37.5	45.0	-
Membeli/memilih kenderaan	15.0	45.0	40.0	-
Membeli/memilih perabut	45.0	2.5	45.0	7.5
Jumlah	77.5	85.0	130.0	7.5

Berdasarkan kepada Jadual 4.2.1, dari segi membuat keputusan membeli/memilih tempat kediaman terdapat satu perundingan dan kerjasama. Hal ini dibuktikan dengan catatan sebanyak 45% keputusan adalah daripada kedua-dua belah pihak. Namun begitu pasangan atau suami juga mempunyai kuasa yang besar dalam aspek pemilihan/pembelian tempat kediaman ini yang mencatatkan 37.5% berbanding responden atau isteri yang hanya berkuasa sebanyak 17.5% sahaja.

Bagi pemilihan/pembelian kenderaan pula seperti motokar, motosikal, basikal dan seumpamanya, pasangan atau suami lebih menguasai aspek membuat keputusan iaitu sebanyak 45%. Namun begitu terdapat juga pasangan yang berunding dan sama-sama mencapai keputusan sepakat dalam pemilihan/pembelian kenderaan ini, yang mencatatkan sebanyak 40%. Hanya 15% sahaja daripada keseluruhan keluarga yang dikaji yang menunjukkan responden atau isteri yang berkuasa dalam membuat keputusan.

Keadaan ini agak berbeza dalam aspek pembelian/pemilihan perabut untuk rumah. Pasangan atau suami hampir tidak campurtangan dalam aspek pembelian/pemilihan ini yang hanya mencatatkan 2.5%. Dari jadual ini juga didapati keputusan yang dibuat oleh responden secara persendirian dan hasil perbincangan suami-isteri telah mencatatkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 45%. Hasil dari penyelidikan, responden hanya terdapat 7.5% responden yang menyatakan tidak pasti siapakah yang sebenarnya membuat keputusan dalam membeli/memilih perabut untuk rumah mereka.

4.2.2: Keputusan Mengenai Anak-Anak

Jadual 4.2.2: Keputusan Mengenai Anak-Anak

	Responden (x)	Pasangan (x)	Kedua- dua (%)	Lain- lain (%)
Memilih nama anak	27.5	12.5	57.5	2.5
mendisiplin/mendenda anak	22.5	30.0	42.5	5.0
Menentukan anak melanjutkan pelajaran	12.5	22.5	62.5	2.5
Jumlah	62.5	65.0	162.5	10.0

Kalau dilihat berdasarkan Jadual 4.2.2 di atas didapati hampir semua keputusan mengenai anak-anak adalah dibuat bersama. Hal ini terbukti dengan jumlah sebanyak 162.5% yang tercatat dari 300%. Sementara kuasa responden dan pasangannya pula hampir sama banyak iaitu responden mencatatkan sebanyak 62.5% manakala pasangannya pula mencatatkan 65.0%.

Kalau dilihat secara terperinci pula bagi setiap satu aspek didapati dari segi pemilihan nama anak-anak, responden lebih berpengaruh daripada pasangan yang mencatatkan 27.5% berbanding pasangan hanya 12.5% sahaja.

Bagi aspek pendisiplinan anak-anak pula, pasangan ternyata lebih bertegas. Hal ini sesuai dengan peranan sebagai suami yang memimpin dan membimbing anak-anak. Di sini pasangan mencatatkan sebanyak 30.0% manakala responden hanya 22.5% sahaja.

Menentukan anak-anak melanjutkan pelajaran juga didapati pasangan lebih memainkan peranan yang penting iaitu 22.5%, walaupun dari segi perundingan antara kedua belah pihak menunjukkan kadar peratusan yang tinggi. Responden bagi aspek ini pula hanya berkuasa sebanyak 12.5% dalam membuat keputusan.

Jika diperhatikan berdasarkan jadual di atas terdapat juga lain-lain anggota keluarga yang turut memainkan peranan dalam membuat keputusan yang terbukti dengan catatan sebanyak 10.0% secara keseluruhan. Hal ini berlaku apabila terdapatnya ahli keluarga lain yang turut tinggal bersama keluarga responden seperti ibubapa responden atau pasangan serta adik-beradik responden atau pasangan responden.

4.2.3: keputusan Mengenai Perbelanjaan Pakaian

Jadual 4.2.3: Keputusan Mengenai Perbelanjaan Pakaian

	Responden (%)	Pasangan (%)	Kedua-dua (%)
Menentukan perbelanjaan pakaian isteri	85.0	5.0	10.0
Menentukan perbelanjaan pakaian suami	25.0	62.5	12.5
Menentukan perbelanjaan pakaian anak-anak	65.0	7.5	27.5
Jumlah	175.0	75.0	50.0

Berdasarkan Jadual 4.2.3, dengan catatan 85.0% jelas menunjukkan bahawa golongan wanita lebih mengambil berat tentang pakaiannya sendiri dan pakaian anak-anak. Manakala dalam menentukan perbelanjaan pakaian suami, suami lebih bertanggungjawab dari isteri. Keadaan ini adalah berkaitan dengan citarasa masing-masing yang berbeza.

Berkenaan dengan pemilihan pakaian anak-anak didapati 65% isteri yang membuat keputusan manakala suami hanya 7.5% sahaja. Kebanyakkan suami hanya menyerahkan tugas tersebut kepada isterinya sahaja. Namun begitu perbincangan antara pasangan ini juga menunjukkan yang tinggi dalam menentukan perbelanjaan pakaian anak-anak berbanding dengan penentuan bagi pakaian mereka sendiri. Hal ini mungkin dirasakan perlu kerana peranan dalam menentukan perbelanjaan pakaian anak-anak adalah tanggungjawab bersama.

4.2.4: Keputusan-Keputusan Lain

Jadual 4.2.4: Keputusan-Keputusan Lain

Perkara	Responden	Pasangan	Kedua-dua	Lain-lain	Tidak berkaitan
Pelaburan keluarga	20.0	27.5	40.0	5.0	7.5
Menentukan barang-barang keperluan dapur	75.0	5.0	20.0	-	-
Memutuskan tempat untuk bercuti	32.5	7.5	47.5	7.5	5.0
Perbelanjaan rekreasi suami	22.5	52.5	20.0	5.0	-
Jumlah	150.0	92.5	127.5	17.5	12.5

Berdasarkan Jadual 4.2.4, dalam menentukan pelaburan keluarga, kedua-dua pihak akan berbincang bersama, tetapi ada kalanya mereka membuat keputusan sendiri iaitu 20% dibuat oleh responden dan 27.5% dibuat oleh pasangan responden. Manakala bagi penentuan perbelanjaan barang keperluan dapur, responden lebih berkuasa berbanding dengan pasangannya. Tetapi adakalanya mereka berbincang bersama. Begitu juga untuk pemilihan tempat bercuti, responden mengatasi pasangannya. Namun begitu peratusan keputusan bersama kedua belah pihak lebih tinggi iaitu sebanyak 47.5%.

Manakala dalam menentuan perbelanjaan rekreasi suami, suami tersebut lebih banyak membuat keputusan iaitu sebanyak 52.5%, jelas menunjukkan bahawa responden lebih membuat keputusan dalam menentukan barang keperluan dapur berbanding lain-lain hal. Sementara keputusan perbelanjaan rekreasi suami, suami lebih banyak membuat keputusan.

Keputusan bersama lebih dominan dalam hal berkaitan dengan memutuskan tempat untuk bercuti.

4.3: Peranan Bersama dalam Kegiatan Sosial

Penglibatan dalam aktiviti sosial amat penting bagi menjamin perpaduan sesebuah kelompok masyarakat. Ianya meliputi menghadiri mesyuarat persatuan, majlis-majlis keramaian dan seumpamanya. Dalam kajian ini, responden juga turut dilihat peranannya bersama-sama menemani pasangan dalam menghadiri majlis-majlis seumpama itu.

Jadual 4.3: Kekerapan Menghadiri Majlis Sosial Bersama

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Hampir setiap kali	9	22.5
kadang-kadang	13	32.5
terlalu jarang	9	22.5
Tidak pernah	10	25.0
Jumlah	40	100.0

Berdasarkan Jadual 4.3, daripada 40 orang responden yang dikaji, 32.5% menyatakan hanya kadang-kadang sahaja mereka menemani suami menghadiri majlis-majlis seperti itu. Manakala 25.0% pula menyatakan mereka tidak pernah menghadiri sebarang majlis bersama suami mereka kerana tidak ada masa untuk berbuat demikian. Masa yang ada hanya sempat ditumpukan pada perniagaan dan rumahtangga sahaja. Namun begitu terdapat 22.5% responden yang menyatakan bahawa sudah menjadi suatu kemestian untuk bersama-sama pasangan menghadiri majlis keramaian.

4.4: Kesimpulan

Sebagai rumusan dapatlah dikatakan walaupun seseorang wanita ini bekerja dan sama-sama berusaha menambahkan pendapatan keluarga, namun peranannya dalam rumah tangga masih lagi didominasi olehnya. Memang tidak dinafikan terdapatnya sedikit sebanyak perubahan peranan dan kuasa dalam membuat keputusan tentang soal-soal rumah tangga. Jika diperhati, kalau dulu suami langsung tidak campurtangan dalam tugas-tugas mengemas rumah, menyediakan makanan dan seumpamanya tapi kini sudah ada campurtangan dari pihak suami. Namun begitu penglibatan suami dalam membantu isteri melakukan tugas-tugas rumah tangga adalah terlalu kecil peratusannya.

Bab 5

PENGUKURAN PERHUBUNGAN KUASA MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN BEBERAPA ANGKUBAH

Penumpuan pengkaji dalam bab ini ialah melihat korelasi antara kuasa membuat keputusan dengan beberapa angkubah. Antara angkubah yang dipilih oleh pengkaji ialah umur responden, jumlah pendapatan, tahap pendidikan, pilihan pasangan untuk berkahwin iaitu sama ada pilihan sendiri atau keluarga dan lama bekerja. Kaedah analisis yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah analisis Yule's Q (telah diterangkan dalam Bab 1) dengan menggunakan kaedah manual yang paling mudah.

5.1: Kuasa Membuat Keputusan

Dalam soal selidik (Lampiran 1) pengkaji telah mengemukakan 16 soalan yang meliputi setiap aspek membuat keputusan dalam rumah tangga. Berasaskan 16 soalan tersebut, pengkaji telah membuat andaian, iaitu responden yang berkuasa membuat keputusan sekurang-kurangnya 8 perkara daripada 16 perkara tersebut, maka diandaikan bahawa responden mempunyai kuasa yang lebih dalam membuat keputusan dibandingkan dengan suami mereka.

Hasil dari analisis borang soal-selidik didapati daripada 40 orang responden yang dikaji terdapat 35% responden sahaja yang mempunyai kuasa membuat keputusan dalam sekurang-kurangnya 8 perkara sementara 65% daripada responden pula mempunyai kuasa membuat keputusan kurang dari 8 perkara.

5.2: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Umur

Berdasarkan kepada umur responden yang paling tinggi dan yang paling rendah, pengkaji telah menggunakan tahap 40 tahun sebagai penengah untuk membahagikan kepada 2 kategori. Kategori pertama adalah responden yang berumur di bawah 40 tahun dan kategori kedua responden yang berumur 40 tahun ke atas. Berasaskan 2 kategori tersebut pengkaji cuba mengaitkan dengan kategori kuasa membuat keputusan (dibincangkan di bawah tajuk 5.1). Setelah digabungkan mewujudkan 4 kategori (Jadual 5.2).

Jadual 5.2 : Perhubungan kuasa Membuat Keputusan dengan Umur

Umur	Membuat Keputusan	Kekerapan	Peratus
> 40	> 8	7	17.5
> 40	< 8	6	15.0
< 40	> 8	7	17.5
< 40	< 8	20	50.0
Jumlah		40	100.0

Dari Jadual 5.2, pengkaji telah membentuk satu jadual lain bagi memudahkan analisis Yule's Q dibuat.

	Not Y < 8	Y > 8	
X > 40	15.0 A	17.5 B	32.5 A+B
Not X < 40	50.0 C	17.5 D	67.5 C+D
	65.0 A+C	25.0 B+D	100.0 N=A+B+C+D

$$Q_{xy} = \frac{(BXC) - (AXD)}{(BXC) + (AXD)}$$

$$= \frac{(17.5 \times 50.0) - (15 \times 17.5)}{(17.5 \times 50.0) + (15 \times 17.5)}$$

$$= \frac{875 - 262.5}{875 + 262.5}$$

$$= \frac{612.5}{1,137.5}$$

- 0.54 merupakan pertalian positif, kuat

Bagi keputusan Q_{xy} yang mempunyai nilai $+0.54$ yang jelas menunjukkan pertaliannya adalah positif, kuat. Maka dapatlah disimpulkan bahawa umur responden merupakan angkubah penting dalam mempengaruhi kuasa membuat keputusan rumah tangga. Semakin meningkat umur, semakin berkuasa responden dalam membuat keputusan.

Oleh kerana Q_{xy} bagi perhubungan kuasa membuat keputusan dengan umur ialah $+0.54$. Dari jawapan ini ujian kerambangan turut dilakukan dengan mengira peringkat *significancenya*. Di sini pengkaji telah mengira Had Keyakinan Maksimum dan Had Keyakinan Minimum.

$$\begin{aligned}
 \text{Had Maksimum} &= Q + Z\sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\
 &= 0.54 + 1.96\sqrt{\frac{(1 - 54^2)^2}{4}(1/15 + 1/17.5 + 1/50 + 1/35)} \\
 &= 0.54 + 1.96\sqrt{\frac{(1 - 54^2)^2}{4}(0.81)} \\
 &= +0.83
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Had Minimum} &= Q - Z\sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\
 &= 0.54 - 1.96\sqrt{\frac{(1 - 54^2)^2}{4}(1/15 + 1/17.5 + 1/50 + 1/35)} \\
 &= 0.54 - 1.96\sqrt{\frac{(1 - 54^2)^2}{4}(0.81)} \\
 &= -0.24
 \end{aligned}$$

Oleh kerana di sini nilai 0 tidak berada di tengah-tengah antara Had Maksimum dan Had Minimum, maka kita katakan bahawa pertalian antara kuasa membuat keputusan dengan umur adalah *statistically significant* yang bermaksud ia adalah rambang dan boleh mewakili populasi.

5.3: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pendapatan

Garis penengah bagi pendapatan yang dipilih oleh pengkaji adalah sebanyak \$475 sebulan. Berasaskan kepada nilai paling tinggi dan paling rendah pendapatan sebulan responden. Daripada analisis, Jadual 5.3 telah dapat dihasilkan.

Jadual 5.3 : Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pendapatan

Pendapatan (X)	Membuat Keputusan (Y)	kekerapan	Peratus
> 475	> 8	6	15
< 475	> 8	8	20
> 475	< 8	7	17.5
< 475	< 8	19	47.5
	Jumlah	40	100.0

Daripada Jadual 5.3 maka diturunkan kepada Jadual Yule's Q untuk mencari korelasi antara 2 angkubah ini.

	Not Y < 8	Y > 8	
X	17.5	15.0	32.5
	A	B	A+B
Not X	47.5	20.0	67.5
	C	D	C+D
	65.0	35.0	100.0
	A+C	B+D	N=A+B+C+D

$$Q_{xy} = \frac{(BxC) - (AxD)}{(BxC) + (AxD)}$$

$$= \frac{(15 \times 47.5) - (17.5 \times 20)}{(15 \times 47.5) + (17.5 \times 20)}$$

$$= \frac{712.5 - 350}{712.5 + 350}$$

$$= \frac{362.5}{1062.5}$$

- 0.34 merupakan pertalian positif, sederhana kuat

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan pendapatan juga angkubah penting dalam mempengaruhi kuasa dalam membuat keputusan. Walaupun angkubah ini tidaklah sekuat angkubah umur dalam mempengaruhi kuasa membuat keputusan tetapi ia masih lagi positif yakni semakin banyak pendapatan maka semakin tinggi darjah seseorang isteri mempunyai kuasa untuk membuat keputusan.

Oleh kerana Qxy bagi perhubungan kuasa membuat keputusan dengan pendapatan ialah +0.34. Berdasarkan jawapan ini ujian kerambangan turut dilakukan dengan mengira peringkat *significancenya*. Di sini pengkaji telah mengira Had Keyakinan Maksimum dan Had Keyakinan Minimum.

$$\begin{aligned}\text{Had Maksimum} &= Q + Z\sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\ &= 0.34 + 1.96\sqrt{\frac{(1 - 34^2)^2}{4}(1/17.5 + 1/15.0 + 1/47.5 + 1/20.0)} \\ &= 0.34 + 1.96\sqrt{\frac{(1 - 34^2)^2}{4}(0.195)} \\ &= +0.72\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Had Minimum} &= Q - Z\sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\ &= 0.34 - 1.96\sqrt{\frac{(1 - 34^2)^2}{4}(1/17.5 + 1/15.0 + 1/47.5 + 1/20.0)} \\ &= 0.34 - 1.96\sqrt{\frac{(1 - 34^2)^2}{4}(0.195)} \\ &= -0.04\end{aligned}$$

Oleh kerana di sini nilai 0 berada di tengah-tengah antara Had Maksimum dan Had Minimum, maka kita katakan bahawa pertalian antara kuasa membuat keputusan dengan pendapatan adalah tidak *statistically significant* yang bermaksud responden yang dipilih tidak rambang dan tidak mewakili populasi.

5.4: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Taraf Pendidikan

Berdasarkan kepada jawapan-jawapan kepada korelasi sebelum ini, pengkaji telah membuat hipotesis bahawa wanita yang mempunyai tahap pendidikan di bawah SPM mempunyai kurang kuasa membuat keputusan berbanding dengan mereka yang berkelulusan SPM ke atas.

Berdasarkan hipotesis ini pengkaji telah meneliti jumlah responden yang mempunyai taraf pendidikan pada peringkat SPM sebagai penengah, maka Jadual 5.4 telah dibina.

Jadual 5.4.: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan (X)	Membuat Keputusan (Y)	Kekerapan	Peratus
> SPM	> 8	5	12.5
< SPM	> 8	9	22.5
> SPM	< 8	17	42.5
< SPM	< 8	9	22.5
Jumlah		40	100.0

Daripada Jadual di atas maka diturunkan dalam bentuk jadual Yule's Q bagi mencari korelasi.

	Not y < 8	Y > 8	
X > SPM	42.5 A	12.5 B	55.0 A+B
Not X < SPM	22.5 C	22.0 D	45.0 C+D
	65.0 A+C	35.0 B+D	100.0 N=A+B+C+D

$$Qxy = \frac{(BXC) - (AXD)}{(BXC) + (AXD)}$$

$$= \frac{(12.5 \times 22.5) - (42.5 \times 22.5)}{(12.5 \times 22.5) + (42.5 \times 22.5)}$$

$$= \frac{281.25 - 956.25}{281.25 + 956.25}$$

$$= \frac{-675.0}{1267.5}$$

- 0.53. Pertaliannya negatif, kuat.

Hasil daripada nilai Qxy yang diperolehi maka dapatlah dikatakan bahawa hipotesis yang dibuat adalah tidak benar. Didapati responden yang mempunyai taraf pelajaran yang rendah lebih cenderung mempunyai lebih kuasa dalam membuat keputusan berbanding responden yang mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi.

Oleh kerana Qxy bagi perhubungan kuasa membuat keputusan dengan taraf pendidikan ialah -0.53. Dari jawapan ini ujian kerambangan turut dilakukan dengan mengira peringkat *significancenya*. Di sini pengkaji telah mengira Had Keyakinan Maksimum dan Had Keyakinan Minimum.

$$\begin{aligned}
 \text{Had Maksimum} &= Q + Z\sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\
 &= -0.53 + 1.96\sqrt{\frac{(1 - (-53)^2)^2}{4}(1/42.5 + 1/12.5 + 1/22.5 + 1/22.0)} \\
 &= -0.53 + 1.96\sqrt{\frac{(1 - (-53)^2)^2}{4}(0.18)} \\
 &= \underline{-0.23}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Had Minimum} &= Q - Z\sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\
 &= -0.53 - 1.96\sqrt{\frac{(1 - (-53)^2)^2}{4}(1/42.5 + 1/12.5 + 1/22.5 + 1/22.0)} \\
 &= -0.53 - 1.96\sqrt{\frac{(1 - (-53)^2)^2}{4}(0.195)} \\
 &= \underline{-0.83}
 \end{aligned}$$

Oleh kerana di sini nilai 0 tidak berada di tengah-tengah antara Had Maksimum dan Had Minimum, maka kita katakan bahawa pertalian antara kuasa membuat keputusan dengan taraf pendidikan adalah *statistically significant* yang bermaksud responden yang dipilih adalah rambang dan boleh mewakili populasi.

5.5: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pilihan Pasangan

Seperti yang telah diterangkan dalam bahagian pengenalan di atas, maksud pilihan pasangan adalah sama ada responden tersebut sendiri yang memilih calon suami mereka untuk berkahwin ataupun dipilih oleh keluarga.

Hasil dari analisis, serangkaian data telah diperolehi mengenai kekerapan pilihan pasangan untuk berkahwin dengan kuasa membuat keputusan Jadual 5.5.

Jadual 5.5: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Pilihan Pasangan

Pilihan Pasangan (X)	Membuat Keputusan (Y)	kekerapan	Peratus
Sendiri	> 8	5	12.5
Keluarga	> 8	9	22.5
Sendiri	< 8	14	35.0
Keluarga	< 8	12	30.0
Jumlah		40	100.0

Berdasarkan kepada jadual di atas, maka pengkaji telah menurunkan dalam bentuk jadual Yule's Q untuk mencari Q_{xy} .

	Not y < 8	Y > 8	
X	35.0	12.5	47.5
Sendiri	A	B	A+B
Not X	30.0	22.5	52.5
Keluarga	C	D	C+D
	65.0	35.0	100.0
	A+C	B+D	N=A+B+C+D

$$Q_{xy} = \frac{(BXC) - (AXD)}{(BXC) + (AXD)}$$

$$= \frac{(12.5 \times 30.0) - (35 \times 22.5)}{(12.5 \times 30.0) + (35 \times 22.5)}$$

$$= \frac{375 - 787.5}{375 + 787.5}$$

$$= \frac{-412.5}{1162.5}$$

= -0.35 Pertaliannya negatif, sederhana kuat.

Berdasarkan kepada hasil Qxy yang diperolehi maka dapatlah disimpulkan bahawa responden yang memilih sendiri calon suaminya untuk berkahwin mempunyai kuasa yang kurang dalam membuat keputusan berbanding dengan calon yang dipilih oleh keluarga masing-masing. Perhubungan angkubah ini dengan kuasa membuat keputusan juga tidaklah begitu kuat, hanya diperingkat sederhana sahaja.

Oleh kerana Qxy bagi perhubungan kuasa membuat keputusan dengan pilihan pasangan ialah -0.35. Dari jawapan ini ujian kerambangan turut dilakukan dengan mengira peringkat *significancenya*. Sehubungan dengan itu pengkaji telah mengira Had Keyakinan Maksimum dan Had Keyakinan Minimum.

$$\begin{aligned}\text{Had Maksimum} &= Q + Z\sqrt{\frac{(1-Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\ &= -0.35 + 1.96\sqrt{\frac{(1-(-0.35)^2)^2}{4}(1/35.0 + 1/12.5 + 1/30.0 + 1/22.5)} \\ &= -0.35 + 1.96\sqrt{\frac{(1-(-0.35)^2)^2(0.18)}{4}} \\ &= \underline{+0.01}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Had Minimum} &= Q - Z\sqrt{\frac{(1-Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\ &= -0.35 - 1.96\sqrt{\frac{(1-(-0.35)^2)^2}{4}(1/35.0 + 1/12.5 + 1/30.0 + 1/22.5)} \\ &= -0.35 - 1.96\sqrt{\frac{(1-(-0.35)^2)^2(0.18)}{4}} \\ &= \underline{-0.71}\end{aligned}$$

Oleh kerana di sini nilai 0 berada di tengah-tengah antara Had Maksimum dan Had Minimum, maka kita katakan bahawa pertalian antara kuasa membuat keputusan dengan pilihan pasangan adalah tidak *statistically*

significant yang membawa maksud responden yang dipilih tidak rambang dan tidak mewakili populasi.

5.6: Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Lama Bekerja

Bagi melihat perhubungan ini pengkaji telah merujuk kepada tahap 10 tahun sebagai penengah bagi memisahkan kepada 2 kategori. Hasil dari analisis ke atas responden ditunjukkan dalam Jadual 5.6 yang menunjukkan kekerapan perhubungan antara 2 angkubah iaitu membuat keputusan dan kuasa.

Jadual 5.6 : Perhubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan Lama Bekerja

Lama Bekerja (X)	Membuat Keputusan (Y)	Kekerapan	Peratus
> 10	> 8	2	5.0
< 10	> 8	17	42.5
> 10	< 8	12	30.0
< 10	< 8	9	22.5
Jumlah		40	100.0

Berdasarkan Jadual kekerapan di atas pengkaji telah menurunkan dalam bentuk jadual Yule's Q untuk mencari Q_{xy} .

	Not y < 8	y > 8	
x > 10	42.5 A	5.0 B	47.5 A+B
Not x < 10	22.5 C	30.0 D	52.5 C+D
	65.0 A+C	35.0 B+D	100.0 N=A+B+C+D

$$Q_{xy} = \frac{(BXC) - (AXD)}{(BXC) + (AXD)}$$

$$= \frac{(5 \times 22.5) - (42.5 \times 30)}{(5 \times 22.5) + (42.5 \times 30)}$$

$$= \frac{112.5 - 1275}{112.5 + 1275}$$

$$= -\frac{1162.5}{1387.5}$$

- - 0.84, Pertaliannya negatif, sangat kuat.

Berdasarkan kepada keputusan Q_{xy} ini maka dapatlah disimpulkan bahawa lama masa bekerja juga merupakan angkubah penting dalam mempengaruhi kuasa membuat keputusan. Namun pertalian yang negatif telah membawa maksud bahawa semakin lama seseorang itu bekerja maka semakin kurang kuasanya dalam membuat keputusan.

Oleh kerana Q_{xy} bagi perhubungan kuasa membuat keputusan dengan pilihan pasangan ialah -0.84. Dari jawapan ini ujian kerambangan turut dilakukan dengan mengira peringkat *significancenya*. Di sini pengkaji telah mengira Had Keyakinan Maksimum dan Had Keyakinan Minimum.

$$\begin{aligned}\text{Had Maksimum } &= Q + Z \sqrt{\frac{(1 - Q^2)^2 (1/A + 1/B + 1/C + 1/D)}{4}} \\ &= -0.84 + 1.96 \sqrt{\frac{(1 - (-0.84)^2)^2 (1/42.5 + 1/5.0 + 1/22.5 + 1/30.0)}{4}} \\ &= -0.84 + 1.96 \sqrt{\frac{(1 - (-0.84)^2)^2 (0.29)}{4}} \\ &= -0.68\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Had Minimum} &= Q - Z \sqrt{\frac{(1-Q^2)^2}{4}(1/A + 1/B + 1/C + 1/D)} \\
 &= -0.84 - 1.96 \sqrt{\frac{(1-(-0.84)^2)^2}{4}(1/42.5 + 1/5.0 + 1/22.5 + 1/30.0)} \\
 &= -0.84 - 1.96 \sqrt{\frac{(1-(-0.84)^2)^2}{4}(0.29)} \\
 &= -0.99
 \end{aligned}$$

Oleh kerana di sini nilai 0 tidak berada di tengah-tengah antara Had Maksimum dan Had Minimum, maka dapatlah dikatakan bahawa pertalian antara kuasa membuat keputusan dengan pilihan pasangan adalah *statistically significant* iaitu bermaksud responden yang dipilih adalah rambang dan mewakili populasi.

Kesimpulan

Berdasarkan daripada pengukuran yang telah dibuat maka dapatlah disimpulkan bahawa hanya 2 angkubah sahaja iaitu umur dan pendapatan yang menunjukkan perhubungan yang positif iaitu semakin meningkat umur atau semakin tinggi pendapatan maka semakin berkuasa seseorang responden untuk membuat keputusan. Sementara angkubah seperti taraf pendidikan, pilihan pasangan untuk berkahwin dan lama responden bekerja menunjukkan perhubungan yang negatif iaitu semakin seseorang itu berpendidikan tinggi atau semakin bebas responden memilih pasangan hidup atau semakin lama responden responden bekerja akan menunjukkan semakin kurang kuasanya dalam membuat keputusan rumah tangga.

Manakala melalui ujian kerambangan pula didapati hanya 2 angkubah sahaja dari 5 angkubah yang dikaji, responden yang dipilih tidak mewakili populasi iaitu angkubah pendapatan dan pilihan pasangan untuk berkahwin. Sementara angkubah-angkubah yang lain menunjukkan responden yang

dipilih telah mewakili populasi.

Bab 6

PENUTUP

Bagi mengakhiri perbincangan ini, pengkaji akan cuba merumuskan semua hasil analisis dan pengukuran yang telah dibuat di samping cuba untuk melihat setakat mana teori-teori yang telah diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini dapat diguna-pakai (adopt) dalam kajian ini.

6.1 Aspek Peranan

Kalau dilihat dari aspek penyebaran peranan antara suami dan isteri oleh Rosaldo yang menyatakan bahawa kaum wanita tidak dapat lari dari ruang domestik kerana telah dipertanggungjawabkan dalam proses pembentukan anak-anak, memang benar. Kalau diteliti berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan didapati wanita lebih berperanan menjaga anak-anak semasa kecil manakala sumbangan tenaga pasangan adalah terlalu sedikit.

Begitu juga dari aspek perawatan, wanita memainkan peranan yang amat besar berbanding dengan pasangan. Hal ini dikaitkan dengan proses sosialisasi semasa kecil yang umum beranggapan bahawa peranan mendidik adalah sesuai dengan sifat-sifat lemah-lembut, penyayang dan pendidik yang ada pada ibu. Sekiranya ibu bekerja, dialah juga yang diharapkan mengambil cuti untuk merawat dan menjaga anak yang sakit. Sebaliknya, para suami jarang-jarang mengambil cuti untuk merawat anak-anak yang sakit. Implikasinya peranan menjaga anak-anak tidaklah disebarluaskan secara seimbang di antara suami dan isteri.

Dari segi penyebaran peranan domestik, sering diandaikan bahawa penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah menyebabkan sumbangan yang diberikannya dalam mengendalikan peranan domestik semakin berkurang, sebaliknya sumbangan suami mungkin meningkat. Penemuan dari hasil kajian menunjukkan bahawa ada kerja-kerja rumah yang lebih kerap dibuat oleh isteri sahaja seperti menyediakan makanan, mengemas rumah dan memasak.

6.2 Aspek Membuat Keputusan

Kalau menurut teori Roose, tanggungjawab membeli-belah, barang-barang makanan dan pakaian untuk keluarga adalah tanggungjawab suami. Para isteri hanya diminta memberi pendapat mengenai barang-barang yang diperlukan oleh keluarga. Sungguhpun begitu para isteri tidak mempunyai hak untuk menolak atau mengkritik keputusan yang telah dibuat oleh suami. Ini jelas menunjukkan bahawa tugas membeli-belah adalah merupakan peranan suami. Keadaan ini dikatakan bukan kerana kurangnya kebebasan wanita untuk keluar rumah tetapi kerana kuasa dari segi kewangan yang dipegang oleh suami.

Namun begitu hasil dari kajian ini, ternyata terdapat wujud pertentangan, yang jelas menunjukkan isteri lebih berhak membeli barang-barang makanan dan pakaian. Suami juga tidak begitu berperanan dari segi kewangan yang ternyata menunjukkan isteri lebih berhak. Ciri ini menunjukkan wujudnya persamaan dengan dakwaan Firth yang yang menyatakan pengaruh wanita yang sebenarnya dapat dilihat dari penguasaannya terhadap wang di dompet.

Aspek kuasa membuat keputusan pula kalau berdasarkan teori Blood dan Wolfe yang menyatakan kuasa wanita yang bekerja akan meningkat di luar rumah tetapi kurang di dalam rumah. Keadaan ini memang benar kalau dilihat berdasarkan kajian ini, yang menunjukkan dalam aspek mendisiplin anak-anak dan menentukan anak-anak melanjutkan pelajaran ternyata suami lebih mempunyai autoriti membuat keputusan. Namun begitu kuasanya tidaklah begitu ketara kerana dalam banyak aspek keputusan lebih kerap diambil hasil perbincangan kedua belah pihak. Bagi aktiviti di luar rumah seperti memutuskan tempat untuk bercuti ternyata isteri lebih berkuasa berbanding dengan suami mereka, yang jelas menunjukkan memang wujud persamaan dengan teori Blood dan Wolfe.

Kalau diteliti mengenai pemilihan tempat kediaman dan pembelian kenderaan jelas sekali bahawa suami lebih mempunyai hak untuk membuat keputusan. Di sini, isteri lebih banyak mengikut sahaja apa yang suami mereka putuskan. Keputusan hasil kajian ini hampir sama dengan kajian yang dibuat oleh Khadijah Haji Muhammad yang mengatakan bahawa isteri hanya berkuasa dalam keputusan-keputusan yang kecil sahaja, sedangkan keputusan-keputusan yang besar lebih banyak diputuskan oleh suami.

6.3 : Hubungan Kuasa Membuat Keputusan dengan 5 Angkubah Yang Telah Diukur.

Kuasa membuat keputusan yang dipunyai oleh seseorang isteri diandaikan oleh pengkaji mempunyai hubungan rapat dengan umur, pendapatan, taraf pendidikan, lama masa bekerja dan pilihan pasangan sama ada mempunyai hubungan darah atau tidak.

Berdasarkan kepada kelima-lima angkubah yang telah dikaji, lama wanita tersebut bekerja mempunyai hubungan yang kuat dengan kuasa membuat keputusan iaitu semakin lama seseorang itu bekerja maka semakin kuat pengaruhnya dalam membuat keputusan. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Hing Lai Leng yang telah dipetiknya dalam teori Sanday yang mengatakan seandainya kaum wanita dapat memasuki bidang awam, maka ia akan menjadi sumber yang kuat mempengaruhi pendapat suaminya. Dari teori ini dapatlah dikatakan bahawa semakin lama seseorang wanita itu bekerja khususnya sebagainya peniaga, ia akan lebih dikenali oleh orangramai dengan pengalamannya bergaul secara tak langsung menambahkan lagi kewibawaan yang secara tidak disedari nilai-nilai yang telah diterima dari luar akan disemai dalam rumahtangga mereka melalui masa.

Angkubah kedua terkuat dalam mempengaruhi kuasa wanita membuat keputusan dalam rumahtangga ialah umur seseorang isteri tersebut. Di sini didapati semakin meningkat umur seseorang isteri tersebut semakin kuat kuasanya dalam rumahtangga. Di sini pangkaji membuat andaian bahawa pada peringkat awal tindakan seseorang wanita mungkin lebih banyak dipengaruhi oleh emosi. Keadaan ini terutamanya berlaku sewaktu anak-anak yang masih kecil yang memerlukan penjagaan yang kritikal, mereka juga terpaksa melakukan urusan rumahtangga seperti mengemas rumah, membasuh, memasak juga terpaksa memberi tumpuan kepada perniagaan. Dengan itu dalam suasana rutin harian yang sibuk menyebabkan perkara-perkara yang berkaitan dengan membuat keputusan lebih sesuai dibuat oleh suami masing-masing.

Namun begitu apabila umur seseorang wanita itu mula meningkat dan anak-anak sudah besar dan sudah boleh membantu menguruskan rumahtangga maka beban seorang isteri itu mula berkurang. Dengan itu seseorang isteri tersebut sudah mempunyai masa untuk berfikir dan memutuskan setiap perkara yang berkaitan dengan urusan rumahtangga mereka sendiri.

Tahap pendidikan merupakan angkubah yang ketiga terkuat dalam mempengaruhi kuasa dalam membuat keputusan. Namun begitu daripada pengukuran yang dijalankan menunjukkan perhubungan yang negatif iaitu semakin rendah taraf pendidikan yang diterima akan semakin kuat kuasanya dalam membuat keputusan. Berdasarkan kepada keputusan yang didapati pengkaji berpendapat bahawa berkemungkinan keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh responden tersebut sendiri tidak mengetahui had-had kuasa dalam rumahtangga, dengan itu ia berusaha untuk mendominasi segala urusan membuat keputusan rumahtangganya.

Namun begitu pengkaji tidak begitu yakin hasil daripada pengukuran yang telah dijalankan, kerana berkemungkinan wujudnya perhubungan yang palsu antara kedua angkubah berkenaan. Hal ini berlaku kerana pengkaji tidak membuat pengukuran ke atas *intervene variable* maka di sini kita tidak dapat melihat keadaan sebenar hubungan tersebut.

Untuk aspek perkahwinan pula, menerusi angkubah corak pemilihan pasangan iaitu sama ada pilihan sendiri atau ditentukan oleh keluarga. Walaupun pengkaji berjaya memperolehi corak perhubungan yang negatif iaitu responden yang berkahwin atas pilihan keluarga akan lebih berkuasa dalam membuat keputusan berbanding pilihan sendiri tetapi di sebabkan oleh

ujian kerambangan gagal memperlihatkan responden yang dipilih mewakili populasi maka pangkaji menganggap nilai ukuran yang telah dibuat tidak boleh diguna-pakai dalam menentukan kuasa membuat keputusan yang dipunyai oleh responden.

Begitu juga dengan pendapat yang diperolehi oleh responden yang telah diukur bersama kuasa membuat keputusan juga menunjukkan nilai negatif, iaitu semakin kurang pendapatannya maka semakin tinggi kuasa membuat keputusan. Ujian kerambangan yang ternyata gagal untuk melihat responden yang dikaji mewakili populasi telah menunjukkan nilai tersebut tidak boleh digunakan.

Namun begitu kita boleh melihat corak membuat keputusan daripada kajian yang dibuat oleh Khadijah Hj.Muhammad. Menurut beliau corak membuat keputusan ada hubungannya dengan cara pendapatan isteri dan suami diuruskan. Dalam keluarga di mana pendapatan suami agak besar iaitu \$400 sebulan atau lebih (Dulu pendapatan sebanyak ini sudah dianggap tinggi berasaskan kos hidup yang rendah), selalunya pendapatan suami sudah mencukupi untuk menbiayai semua perbelanjaan, jika keluarga itu tidak mempunyai anak yang ramai, atau anak-anak yang sedang melanjutkan pelajaran tinggi dengan perbelanjaan sendiri, pinjaman-pinjaman atau tanggungan seperti tanggungan terhadap ibubapa suami atau adik-beradik suami. Dalam keadaan begitu, pendapatan isteri bolehlah dibelanjakan oleh isteri mengikut sesuka hatinya dan membuat keputusan dari segi perbelanjaan pakaianya dan kiriman kepada ibubapanya dan saudara-mara adalah ditangannya sendiri. Sebaliknya, jika pendapatan suami tidak mencukupi untuk menbiayai semua perbelanjaan, maka selalunya kedua-dua pendapatan suami dan isteri disatukan dan dengan ini kebanyakan pemutusan

persoalan adalah secara rundingan antara suami dan isteri.

Secara keseluruhan dapatlah dirumuskan bahawa dalam aspek tugas rumah tangga, responden memang memainkan peranan yang cukup penting yang menunjukkan hampir keseluruhan tugas adalah dipikul oleh mereka hanya sedikit sahaja responden menerima bantuan dari pasangan masing-masing. Namun begitu dalam aspek membuat keputusan rumah tangga ternyata pasangan masing-masing yang lebih memainkan peranan.

6.4 : Kelemahan-Kelemahan Analisis

Berdasarkan corak analisis yang telah dilalui, maka beberapa kelemahan telah didapati. Antaranya ialah pengkaji hanya mengukur angkubah-angkubah sebelah pihak sahaja iaitu yang dipunyai oleh responden sedangkan angkubah-angkubah yang dimiliki oleh pasangan tidak diukur. Oleh itu dalam kajian ini kita tidak dapat melihat dengan jelas apakah kemungkinan sifat-sifat yang dipunyai oleh suami tersebut boleh mempengaruhi kuasa isteri membuat keputusan dalam rumah tangga.

Kelemahan kedua, ialah kegagalan pengkaji untuk memperolehi responden yang rambang dalam pengukuran kuasa membuat keputusan dengan pilihan pasangan untuk berkahwin dan jumlah pendapatan. Hal ini menyebabkan pengkaji-pengkaji tidak boleh menggunakan nilai Qxy yang diperolehi untuk membandingkan dengan teori-teori yang telah dikemukakan menerusi kajian-kajian sebelum ini.

Analisis ini juga tidak membuat pengukuran ke atas *intervene variable* (angkubah ketiga), iaitu kemungkinan terdapat *intervening variable* dalam mempengaruhi perhubungan antara X dan Y.

Kelemahan terakhir yang dapat dikesan ialah pengkaji hanya memberi tumpuan kepada 5 angkubah sahaja iaitu aspek umur, pendapatan, taraf pendidikan, pilihan pasangan untuk berkahwin dan lama bekerja. Sedangkan angkubah-angkubah lain seperti bilangan anak, jumlah isi rumah, lama masa berumahtangga dan lain-lain angkubah tidak dikaji, yang jelas menunjukkan kemungkinan terdapat angkubah-angkubah yang jauh lebih kuat korelasinya dari angkubah-angkubah yang telah diuji oleh pengkaji.

6.5 : Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Ketidakstetapan Pengukuran

Bagi mengatasi masalah pengukuran yang melibatkan sebelah pihak sahaja, pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian yang akan dilakukan pada masa akan datang akan memberi tumpuan kepada kedua-dua belah pihak iaitu pihak suami dan isteri, agar angkubah-angkubah lain yang mungkin terselindung dapat diukur bagi melihat angkubah mana yang paling berpengaruh dalam menentukan kuasa membuat keputusan.

Masalah ketidak rambangan sampel yang dikaji pula boleh diatasi dengan mendapatkan responden yang lebih ramai dalam satu-satu kawasan yang dikaji. Seseorang pengkaji juga boleh mengatasi masalah ini dengan menetapkan kategori-kategori tertentu bagi seseorang responden yang hendak dikaji. Dengan menggunakan kaedah ini, kemungkinan untuk berlakunya ketidak rambangan sampel yang diambil adalah rendah.

Dalam kajian-kajian pada masa akan datang, pengkaji juga mengharapkan agar ujian untuk *intervene variable* dapat dilakukan, kerana kemungkinan besar dalam satu-satu pengukuran yang dibuat, *intervene*

variable yang sebenarnya telah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi hubungan X dan Y. Tetapi disebabkan keadaan-keadaan tertentu angkubah X telah melindunginya.

Selain itu pengkaji juga mengharapkan agar angkubah-angkubah yang dikaji di pelbagaiakan tidak hanya menumpukan kepada 5 angkubah sahaja seperti mana yang telah dilakukan dalam kajian ini.

Namun begitu secara keseluruhan walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam kaedah analisis. Namun kelemahan-kelemahan tersebut memang sukar untuk dielakkan oleh pengkaji disebabkan ruang dan masa yang memang telah dihadkan kepada pengkaji. Namun begitu diharapkan kajian ini berupaya untuk menjadi garis panduan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

1. A. Hamid Arshad, Wanita, Kerja dan Pembangunan: dalam Kertas Kerja National Seminar on Women, Family and Work, Kuala Lumpur, Jun 1988.
2. Bailey, Kenneth, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, (terjemahan Hashim Awang), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980
3. Banton, Micheal, *Roles: An Introduction to the Study of Social Relations*, Tavistock Publications, London, 1965.
4. Blood, Robert Oscar and Wolfe, Donald M., *Husbands and wives: The Dynamics of Married Living*, Glencoe, Ill. Freep, 1960.
5. Bott, Elizabeth, *Family and Social Network: Roles, Norms and External Relationships in Ordinary Urban Families*, Tavistock Publications, 1971.
6. Davidson, Norman, Causal Inferences From Dichotomous Variables. In *Concepts and Techniques In Modern Geography*, No. 9, Hull University, (Tanpa Tahun).
7. Fatimah Abdullah, 'Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan', Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1983/83.
8. Fatimah Daud, 'Penyertaan Wanita Bumiputera Dalam Bidang Perniagaan dan Perusahaan di Kuala Lumpur', Tesis M.A. Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
9. _____, 'Wanita dalam Pekerjaan: Satu analisa tentang penggunaan tenaga buruh dalam mengukuhkan ekonomi negara', dalam Kertaskerja Biro Buruh UMNO, Johor Bharu, Mac 1983.
10. Firth, Rosemary Firth, *Housekeeping Among Malay Peasants*, Monograph on Social Anthropology, The Athlone Press, London, 1943, No. 7.

11. Fransella, Fay & Frost Kay, *On Being a Woman: A Review of Research on How Women See Themselves*, Tavistock Publications, 1977.
12. Friedl, Ernestine, *Women and Men: An Anthropologist's View*, Holt, Rinhart dan Winston, 1975.
13. Heng Lai Leng, 'Satu kajian Mengenai Pekerja Wanita Yang Sudah Berkahwin di Sebuah Ladang Teh di Cameron Highland, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/84.
14. Huber, Joan (ed), *Changing Woman in Changing Society*, University of Chicago Press, Chicago, 1973.
15. Iglesias, Alfreda, *Married Women and Work*, D.C. Heath, Lexington, Massachusetts, 1974.
16. Kendall, P.L. dan Lazarsfeld, P.F., 'Problems of Survey Analysis'. In Merton, R.K. dan Lazarsfeld, P.F. (eds), *Continuities in Social Research*, Free Press, (Tanpa Tahun).
17. Khatijah Hj. Muhamad, 'Wanita dan Pekerjaan', Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970.
18. Law, Judith Long, *The Second A Sex and Social Role*, Elsevier, New York, 1979.
19. Linton, Ralph, *The Study of Men*, New York: Appleton-Century, 1936.
20. Mat Saat baki, Wanita dan cabaran, Kumpulan Karangkraf, Kuala Lumpur, 1987.
21. Mead, Margaret, *Sex and Temperament in Three Primitive Societies*, William Morrow, 1963.
22. Melson, Gail Freedman, *Keluarga dan Persekutuan: Perspektif Ekosistem* (terjemahan Jariah bt. Masud), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.

23. Nik Mohd Mustaffa Shafei, Peranan Wanita Dalam Ekonomi dan Sosial di Kelantan, Tesis M.A., Jabatan Antropologi/ Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.
24. Nik Sapiah Karim, Wanita Malaysia : Harapan dan Cabaran, K. Publishing, Kuala Lumpur, 1990
25. *Rancangan Malaysia Keenam 1991 - 1995*, Jabatan Percetakan Negera, Kuala Lumpur, 1991.
26. Roose, H., 1963, "Changes in the Position of Malay Women", dalam B. E. Ward (ed.), *Women in The New Asia*, Paris UNESCO, 1963.
27. Rosaldo, Michelle Zimbalist, *Women, Culture and Society*, Stanford University Press, 1974.
28. Shajaratuddur Sheikh Abdul Halim, Sikap Wanita Melayu Dalam Bidang Pekerjaan, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.
29. Sills, David L., (Penyunting), *International Encyclopedia of Social Science*, United States: The MacMillan Company & Free Press, 1968, Vol. 3.
30. Siti Fatimah Mohd. Ariffin, 'Peranan dan Kedudukan Wanita di Kerdau', Tesis M.A., Kuala Lumpur, 1965.
31. Wan Hashim, Ting Chew Peh, Shamsul Amri, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
32. "Wanita dan Pengguna", *PENGGUNA*, Jilid 7, Bil. 2, PP139/1/89.
33. Weller, R.H., "The Employment of Wives Roles Incompatibility and fertility", *Milbank Memorial Fund Quaterly*, 1956.
34. Zaidah Mustapha, 'Decision Making' di kalangan wanita di Mukin Pulau Tiga, Parit, Perak (satu kes studi), Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975/76.